# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 24 BILANGAN 49 | RABU 5HB DISEMBER, 1979. | 1400 رابو 15 محرم | PERCHUMA




KIRA2 100 orang jemaah haji yang baru saja pulang ka-tanah ayer baru2 ini telah berkunjong ka-Istana Darul Hana pada hari Sabtu lalu untok junjong ziarah kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan (gambar atas).

Jemaah2 haji itu junjong ziarah kapada DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

## Sembahyang berjemaah pendurong melakukan amal2 kebajikan

TUTONG. — Umat Islam terutama mereka yang tinggal di-Kampong Lamunin di-sini telah di-seru untok menguatkan azam dan memperdalamkan kesedaran mereka ka-arah mengerjakan amal ibadat terutama dalam mengerjakan sembahyang lima waktu yang mana lebeh baik di-lakukan dengan chara berjemaah di-masjid2.

Seruan tersebut telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali bin Pg Haji Mohd Daud sa-masa beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Masjid Kampong Lamunin di-sini Jumaat lalu.

Kesedaran terhadap tanggong-jawab beribadat kapada Allah, sabda Yang Amat Mulia, ada-lah mustahak di-tanam dan di-kembangkan kerana bertolak dari sana-lah tumboh-nya buah2 kesedaran untok lebeh maju dan lebeh kuat lagi keinsafan dan kemahuan dalam mengerjakan lain2 perkara yang berkebajikan.

Masjid, di-samping peranan-nya untok menjadi tumpuan orang2 Islam untok melakukan Ibadat, ada-lah juga merupakan satu2-nya tempat yang sesuai bagi mereka menambahkan perhubongan siratul-rahim yang mana akan memperkukohkan lagi perpaduan antara umat Islam sa-tempat.

"Perbuatan dan sikap yang rajin berjemaah di-masjid selalu-nya membuka peluang untok berjumpa sa-lepas mengerjakan sembahyang, maka dengan itu mudah-lah para jemaah bermufakat dan meranchangkan apa2 saja yang mendatangkan erti bagi mereka dan juga seluroh pendudok yang berkenaan," Yang Amat Mulia menjelaskan.

### Manis-nya Iman

"BARANGSIAPA menolak kechemaran yang menjejaskan kehormatan saudara-nya sa-sama Islam maka Allah akan menolakkan api neraka dari mengenai muka-nya pada hari kiamat"—HADITH Nabi, di-petek oleh At-Tarmizi daripada riwayat Abu Darda'.

Bagaimana pun sa-belum mengakhiri sabda uchapan-nya, Yang Amat Mulia telah menyuarakan rasa bangga-nya bila di-fahamkan yang bilangan pendudok yang berkunjong ka-Masjid untok berjemaah bertambah dan seterus-nya berharap agar amalan yang sa-demikian akan bertambah lagi demi untok menjadikan masjid di-kampong itu setanding dengan masjid2 yang lain di-samping sama2 mengharapkan keredhaan Allah.

Masjid yang di-rasmikan pada hari itu ada-lah merupakan salah sa-buah daripada beberapa buah lagi masjid yang akan di-rasmikan di-negeri ini bersempena menyambut kedatangan awal tahun Hijrah 1400.

Pembenaan-nya telah pun bermula pada awal tahun 1977 dan telah sempurna pada bulan Julai 1978. Ia-nya berharga hampir $130,000.00 dan boleh memuat 200 jemaah dalam satu masa dan tapak di-mana terletak-nya masjid itu ada-lah di-atas sa-keping tanah yang telah di-wakafkan oleh Haji Sulaiman bin Haji Abdul Rahman.

Majlis perasmian masjid tersebut bermula dengan persembahan bachaan Ayat2 Suchi Al-Kor'an oleh sa-orang guru ugama tempatan, Awang Jamaludin bin Ismail.

Sa-lepas sahaja perasmian-nya para hadhirin telah bersama2 menunaikan sembahyang Fardzu Jumaat berjemaah yang telah di-imamkan oleh Kadhi Besar Brunei, Yang Berhormat

Lihat muka 16



YAM Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pg Haji Ali menarek tirai papan perasmian sa-bagai menandakan Perasmian Masjid Lamunin.

## Jiwai diri dgn sifat2 pemurah

TUTONG. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin menyeru Umat Islam di-negeri ini supaya menjiwai diri masing2 dengan sifat2 pemurah di-atas sa-suatu jalan yang di-tuntut oleh ugama.

Kata-nya, sifat pemurah yang menimbulkan sikap mengeluarkan sa-bahagian dari milek yang di-korniakan oleh Allah untok tujuan saperti bersedekah, berwakaf dan sa-bagai-nya ada-lah di-tuntut oleh Ugama Islam.

Beruchap di-majlis perasmian Masjid Lamunin di-sini pada hari Jumaat lalu, Yang Berhormat Pehin selanjut-nya menyeru umat Islam seluroh-nya agar segera menjauhi sifat2 yang berlawanan dengan sifat itu ia-itu bakhil, kerana jelas-nya sifat bakhil ada-lah sangat2 di-chela oleh Allah.

"Segala harta kekayaan yang kita mileki tidak akan mendatangkan menafaat kapada kita malah sebalek-nya ia akan mendatangkan kejahatan dan kemudharatan jika tidak di-gunakan pada jalan yang berkebajikan yang di-suroh oleh Allah," jelas Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu.

Hal tersebut, jelas Yang Berhormat Pehin lagi, ada di-firmankan oleh Allah s.w.t. dalam surah Ali Emran ayat 180 yang bermaksud: *'Jangan-lah engkau sangka bahawa orang2 yang bakhil dengan harta yang di-korniakan Allah kapada-nya itu menjadi perkara yang berkebajikan kapada mereka, bahkan menjadi kejahatan kapada mereka, nanti pada hari kiamat akan di-gantongkan di-leher mereka harta yang mereka bakhilkan itu. (Harta yang tidak mereka keluarkan pada jalan yang di-suroh oleh Allah itu).'*'

Sebalek-nya, tambah Yang Berhomat, kemuliaan bagi sifat2 pemurah jelas di-perkatakan oleh Rasulullah dalam sabda-nya yang bermaksud: *"Sifat murah hati itu ia-lah pohon kayu yang tumboh di-dalam Shorga, maka tidak masok Shorga kechuali orang yang murah hati. Dan sifat bakhil itu ia-lah pohon kayu yang tumboh di-dalam Nereka, maka tidak masok Neraka kechuali orang yang bakhil.'*

"Sifat bakhil ada-lah timbul kerana kebiasaan terlampau sayangkan nekmat Allah s.w.t. sa-hingga nekmat itu tidak mahu di-keluarkan atau tidak mahu di-gunakan pada jalan yang seharus-nya saperti bersedekah atau mengeluarkan-nya pada perkara2 yang berkebajikan," Yang Berhormat Pehin menerangkan.

Dari itu, supaya kita tidak terhindar dari kemenafaatan yang di-tuntut oleh Ugama Suchi kita, Yang Berhormat Pehin seterus-nya mengingatkan terutama-nya mereka yang di-korniakan oleh Allah kemewahan dan berbagai2 kelebehan supaya menggunakan-nya sa-bagai satu landasan untok menuju kapada keredhaan-nya.

Yang Berhormat Pehin juga telah memetik satu lagi firman Allah dari surah Al-Munafikun ayat 9 yang bermaksud: *'Wahai orang2 yang beriman! Jangan-lah harta kamu dan anak pinak kamu melalaikan kamu dari-pada mengingat Allah, dan barang siapa berbuat sa-demikian maka mereka itu ada-lah orang2 yang mendapat kerugian'.*

## Ugama Islam di-beri tempat dalam adat-istiadat negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Hj Abdul Aziz mensifatkan gelaran 'Menteri Ugama' sa-bagai salah satu pengaroh Ugama Islam yang di-beri tempat yang terpandang dalam adat-istiadat negeri ini.

Ini, tambah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, sa-bagai memberi erti bahawa chiri Ugama Islam tetap di-pelihara untok menyesuaikan antara adat-istiadat dengan ugama.

Beruchap selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Tahun Hijrah 1400 di-Upachara Pembukaan Rasmi Pameran Sejarah Perkembangan Islam di-Brunei sempena sambutan awal tahun 1400 Hijrah pada Rabu, 21hb Nobember lalu, Yang Berhormat itu berkata, perkara demikian ada-lah satu2 yang yunik dalam pameran itu dan ia-nya kemungkinan tidak wujud dalam masharakat lain.

Dalam perkara lain Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan juga menjelaskan, keIslaman di-Brunei telah di-kenali sejak dahulu lagi saperti apa yang di-akui oleh Orang2 Sepanyol yang datang ka-negeri ini bahawa orang2 Islam di-Brunei mempunyai kegagahan di-bawah pimpinan sultan2 mereka.

Kedatangan Ugama Islam ka-Brunei, jelas Yang Berhormat itu, di-boktikan

Lihat muka 16

MELANGKAH DENGAN YAKIN DAN PENOH HARAPAN

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

5HB DISEMBER, 1979

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

## Umat Islam di-Brunei terus berwaspada

KITA sesunggoh-nya merasa kagum, kagum kerana melihatkan kewaspadaan umat Islam di-Negeri Brunei ini, dan terus berwaspada pada menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, pada mengekalkan serta mempertahankan keamanan, keselamatan dan ketenteraman. Salah satu kewaspadaan itu dapat kita boktikan baru2 ini apabila mendengar peristewa Masjidil Haram. Ini juga ia-lah satu bokti tentang sikap sederhana kita dalam memahami ugama, yang bertolak dari kesedaran kita untok mempertahankan ketenteraman yang kita nekmati sa-lama ini.

Dari titah yang menyarankan kita sentiasa waspada, maka kita bershukor kapada Allah s.w.t. yang kita di-Negeri Brunei ini telah menunjokkan sikap tenang apabila mengetahui peristewa penawanan Masjidil Haram itu.

Bertolak daripada itu; kita berfaham dari peristewa itu di-mana di-khabarkan pencheruboh2 itu terdiri daripada golongan2 fanatik ugama, maka kita bershukor suasana keugamaan kita di-negeri ini sentiasa terkawal. Ini ia-lah berkat ketepatan langkah Kerajaan kita sejak awal2 lagi memberikan perhatian berat kapada perkembangan ugama Islam — di-jadikan ugama rasmi negara dan chara hidup yang lengkap lagi sempurna.

Shahdan dengan kebesaran Allah s.w.t. peristewa yang telah menimpa ka-atas Masjidil Haram telah selesai saperti biasa, tiada ada apa2 yang boleh mendatangkan kebimbangan kapada kita lagi. Ia-nya akan tinggal menjadi kenangan manis atau pahit yang boleh di-jadikan pengajaran atau tauladan kapada umat Islam sendiri. Kerana ada-lah menjadi lumrah alam bahawa dalam satu2 peristewa sa-umpama itu; yang menjadi korban tetap menjadi korban dan yang hidup akan tetap mengabadikan-nya sa-bagai pedoman hidup, dengan petunjok Allah juga.

Bagi umat Islam di-Negeri Brunei kita ini pula hendak-lah terus waspada serta bershukor kapada Allah kerana para jemaah haji kita telah selamat kembali ka-tanah ayer sa-belum peristewa Masjidil Haram itu meletus. Bagaimana pun, sa-bagai sa-orang Muslim, kita perchaya bahawa segala2-nya itu ada-lah dengan petunjok dan kehendak Allah (sudah di-takdirkan dan menjadi suratan awal). Apa yang menjadi perhatian kita umat Islam di-negeri ini sempena menyambut tahun hijrah 1400 dan awal abad ke-15, ia-lah menjadikan peristewa2 sa-umpama itu sa-bagai pengajaran pada menambah kukohkan lagi keimanan kapada Allah, melipat gandakan usaha di-sertai dengan tawakkal kapada-Nya, yang patut di-tanamkan sedalam2-nya di-jiwa kita.

Sa-bagaimana kita ma'alom bahawa cherita yang telah menimpa Kota Mekah baru2 ini ada-lah suatu perkara yang telah ujud sa-belum kita ada lagi. Kerana peristewa yang baru lalu itu belum lagi dikatakan sa-begitu dahsat saperti mana yang pernah dialami oleh Junjongan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. ia-itu ketika Baginda Rasulullah berhadapan dengan kaum mushrikin dahulu bagi mengembangkan akidah Islamiah yang telah kita nekmati sa-lama ini dan sejak ugama Islam tersibar ka-seluroh dunia sekarang ini.

Pada keselurohan-nya, peristewa yang telah menimpa Masjidil Haram itu dan lain2 lagi peristewa kebangkitan Islam itu meyakinkan kapada umat Islam itu sendiri bahawa musoh2 Islam sememang-nya tidak putus2 atau sentiasa berusaha mengambil peluang serta kesempatan untok mengerohkan keadaan dan suasana perkembangan Islam yang begitu pesat.

Dari itu, amat sesuai saperti apa yang telah dititahkan oleh Baginda Sultan dan Yang Dipertuan itu, ia-itu supaya kita sentiasa berwaspada bagi mempertahankan keamanan, keselamatan serta ketenteraman negeri kita yang di-kasehi ini dari di-cherubohi dan hasutan oleh anasir2 jahat yang tidak bertanggong jawab itu, terutama musoh2 Islam itu sendiri. Untok itu mari-lah kita berdiri tegoh di-belakang Kerajaan dengan menggunakan segala kebijaksanaan yang telah di-perolehi dari pengalaman luas dalam perkara ini.

## PADA HEMAT SAYA....

"... sekali pun peristewa penawanan Masjidil Haram itu telah mengganggu perasaan kita, namun tidak-lah ia mematutkan siapa2 untok berasa tawar hati dari pergi ka-Mekah, sama ada bagi ber'umrah atau pun berhaji."

# PERISTEWA MASJIDIL HARAM



PEMANDANGAN dalam Masjidil Haram di-mana Ka'abah terletak di-dalam-nya. Di-sebutkan dalam Al-Kor'an bahawa barangsiapa yang berniat jahat terhadap-nya dan menghalang orang dari memasoki-nya pasti akan menerima siksa Allah.

SEJAK mengetahui Masjidil Haram 'di-tawan' oleh orang2 bersenjata, ramai di-antara kita yang memasang telinga dan mata mengikuti sa-tiap siaran berita.

Perasaan kita sa-macham terganggu oleh kejadian malang itu. Tentu banyak sebab membuat kita begitu. Dan yang pasti ia-lah kita mempunyai pertalian dengan Masjid yang Ka'abah — kiblat sembahyang kita — terletak di-dalam-nya. Maka pertalian itu sabenar-nya ia-lah dalam ertikata kepentingan kita ada terhadap-nya.

Lalu apabila sahaja mengetahui peristewa itu, sachara spontan hati kita mengutok orang2 yang menawan-nya, pada hal waktu itu belum jelas siapa mereka dan apa maksud mereka. Memang munasabah kita bersikap sedemikian, kerana siapa pun mereka dan apa pun tujuan mereka, perbuatan mereka itu ada-lah suatu pencherubohan ka-atas tempat suchi.

### BIMBANG

*Kita sa-benar-nya bimbang bukan sahaja atas keselamatan orang2 yang di-jadikan tebusan, tetapi ia-lah keselamatan Masjid itu, lebeh2 lagi keselamatan Ka'abah. Betapa tidak-nya, mereka yang menawan itu di-khabarkan bersenjata lengkap. Dan askar2 Kerajaan Arab Saudi yang mengepong dan bersedia merempoh membebaskan-nya pula tentu-lah lebeh lengkap senjata mereka. Tidak mustahil senjata kedua2 pehak itu akan merosakkan mana2 bahagian Masjid dan Ka'abah itu.*

Lebeh2 lagi terbayang2 pula betapa kalau2 Masjid dan Ka'abah itu di-letupkan! Hai, barang di-jauhkan Allah demikian itu!!

### PENGHARGAAN

Tetapi shukor-lah. Berita terakhir peristewa itu menyebutkan Masjidil Haram telah di-pulehkan. Ia selamat bagi di-masoki. Tentu-lah ma'ana-nya: boleh sembahyang di-dalam-nya dan boleh tawaf di-keliling Ka'abah. Sa-kali pun kita juga melihat dalam filem berita talivishen malam Jumaat lepas tiang2 di-kawasan tempat sa'ie telah robek2 terkena peluru, dan kereta bomba kelihatan di dalam-nya.

Kita tentu-nya mengalu2-kan pembebasan dan pemulehan itu, dan wajar-lah kita merakamkan penghargaan kapada Kerajaan Arab Saudi, yang mengikut ajensi2 berita telah chukop berhati2 mengambil langkah pembebasan itu, dengan terlebeh dahulu merujok kapada ulama, bagi tidak menjejaskan kehormatan Masjid dan Ka'abah.

### 15 TAHUN

Sa-benar-nya bangunan Masjidil Haram yang ada sekarang ia-lah hasil pembenaan sa-mula oleh Kerajaan Arab Saudi. Ia di-bena sa-lama lima belas tahun sejak kira2 dua puloh lima tahun dahulu. Pembenaan itu meliputi peluasan-nya sa-hingga boleh memuat lebeh dari 300,000 (tiga ratus ribu) orang bersembahyang dalam satu waktu.

Orang2 kita yang pernah memasoki Masjid itu tentu dapat meristakan ketakjuban masing2 mengenai-nya. Dan kita perchaya merekalah orang yang lebeh merasakan pertalian dengan Masjid suchi itu.

Terutama mereka yang baharu kembali dari musim haji tahun ini dan lebeh2 lagi orang2 dalam rombongan kedua jema'ah haji kita, mereka itu sa-benarnya nyaris2 terlibat dalam peristewa malang penawanan Masjid tersebut.

### SHUKOR

Maka pada jangkaan saya, majlis2 keshukoran kerana selamat berhaji orang2 kita tahun ini tentu-lah termasok juga keshukoran kerana terhindar dari terlibat dalam peristewa malang itu.

Chuma ada juga orang kita, yang kebetulan pula menjadi sheikh haji sempat mengalami sendiri peristewa itu. Menurut-nya dia ada-lah di-antara beratus2 orang yang dapat melepaskan diri dari tawanan. Pengalaman-nya itu ngeri, tetapi dengan yakin pula dia menegaskan bahawa kejadian itu tidak-lah menawarkan hati-nya untok terus menunaikan ibadat haji pada masa2 akan datang.

Dan saya perchaya begitu-lah juga fikirkan kita. Ya'ani: sekali pun peristewa penawanan Masjid itu telah mengganggu perasaan kita namun tidak-lah ia mematutkan siapa2 untok berasa tawar hati dari pergi ka-Mekah, sama ada bagi ber'umrah atau pun berhaji.

### ALASAN

Ada berbagai2 alasan untok kita tidak bersikap tawar hati. Dan yang paling kuat ia-lah bahawa Masjidil Haram itu suchi. Kita sentiasa menaroh minat pada kesuchian-nya itu. Dan lebeh2 lagi ia-lah jika kita di-halang dari memasoki-nya maka orang2 yang menghalang itu pasti menerima balasan siksa Allah jua!

Sebalek-nya, pada hemat saya, tentu sa-makin pula bertambah minat kita untok sampai ka-Masjidil Haram sa-telah peristewa penawanan-nya baru2 ini. Kita lebeh ingin tahu dan melihat sendiri keadaan-nya sa-telah kejadian itu. Lalu kerana itu orang2 kita yang telah mendaftar untok naik haji pada musim haji akan datang (sa-takat ini sudah lebeh 900 orang) boleh-lah di-kirakan sa-bagai orang2 yang akan beruntong mengetahui dan melihat sendiri Masjidil Haram sa-telah ia di-tawan dan di-bebaskan itu. Tentu lebeh beruntong pula kalau dalam sa-bulan dua ini ada orang2 kita yang pergi ber-'umrah, tentu-lah mereka akan berkesempatan melihat kesan kejadian penawanan dan pembebasan ka-atas Masjidil Haram itu sa-belum kesan2 tersebut di-hilangkan dalam pemulehan seterus-nya nanti. — *Ketua Pegawai Penerangan.*



KEPOLAN asap kelihatan dari Masjidil Haram sa-telah askar2 Kerajaan Arab Saudi merempoh masok membebaskan-nya dari orang2 bersenjata yang menawan-nya. Sharikat berita UPI memetek gambar ini dari sa-buah akhbar di-Mekah. Kita bershukor mengetahui berita kemudian-nya yang menyatakan pehak berkuasa Kerajaan Arab Saudi mengumomkan Masjid suchi itu kini boleh di-masoki dengan selamat.

# Moslem New Year Celebrations

TUTONG. — Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud officially opened a new mosque in this district on Friday morning to commemorate the Moslem New Year (see picture on the right).

The mosque, at Kampong Lamunin, has been built at a cost of one hundred and twenty-five thousand dollars as part of the government's five year development plan.

It can accommodate up to two hundred people and now replaces the old kampong mosque.

Among those who attended the opening ceremony were the Chief Religious Affairs Officer, the Chief Kathi and the Tutong District Officer.

In the Brunei/Muara District, another mosque at Kampong Tanah Jambu will be officially opened on the seventh of this month.

In preparation for the official opening, residents in the kampong have started a voluntary campaign to clean the compound of the mosque.

Meanwhile, celebrations to mark the Moslem New Year are continuing in the country.

A berzanji competition is to be held in the Tutong District on Saturday at the Pengiran Anak Puteri Norain Religious School.

Sixteen people are expected to take part in the competition, which will be declared open in the evening by the Tutong District Officer, Awang Haji Chuchu bin Penglima Askar Dato Haji Abdullah.

The programme will also include Quran reading, nashid and qasidah presentations.

Last week at the Hassanal Bolkiah Stadium in Gadong, the Royal Brunei Police Force held the Nashid and Azan Competitions.

The function began with a Quran reading presentation by this year's Police Quran reading champion, Awg Kamis bin Nasir.

There was also a special talks on the teachings of Islam and its development given by an officer from the Religious Affairs Department.

The Commissioner of Police, Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid presented the prizes to the winners of the two competitions. (see picture below).

Also to mark the arrival of the new century, an exhibition of books on Islam and its development is now on at the library of the Language and Literature Bureau in Bandar Seri Begawan.

It is organised by the bureau itself and will last until Dec 20.

The display is open from eight in the morning till eight in the evening daily except on Sunday, open an hour later.





# Educational Expo and Seminar

GADONG. — The General Advisor to His Highness the Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa is expected to declare open an Educational Expo at the Sultan Hassanal Bolkiah Teachers' Training College here this Sunday.

A Seminar on Education will also be held during the Expo on the following day and will be officially opened by the Director of Education, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Hj Jumat.

The Expo and the Seminar are organised by the college. The Expo was formerly known as the "Open Day" when it was first held in 1975. This year, it is held in conjunction with the "International Year of Child".

The exhibits will mainly consists of the teaching aids and materials as well as demonstrations by the trainee teachers of the college.

The aims of the exhibition, according to the college spokesman, are to enable the parents and public to know better the trainees' activities and to see for themselves the vital roles of the college in the field of the country's development.

The public will also be able to understand various difficulties and problems faced by the teachers and the trainees, the spokesman adds.

Should there be overwhelming response from the public, the Expo will continue for another week or two, otherwise it will be held for a few days only.

Teachers and students throughout the state are asked to attend the Seminar during which three worksheets will be discussed.

Three lecturers, the Superintendent of the Secondary Schools, Awang Alihassim bin Hj Daud, the Deputy Head of Research, Planning and Guidance Unit of Education Department and the college's principal are expected to conduct the seminar.

# *Chinese urged to help Malays*

KUALA BELAIT. — The Chinese community in the state was urged to assist other communities, particularly the Malays, to do the business.

The Director of Education, Dato Seri Laila Jasa Awang Hj Ahmad bin Haji Jumat, was speaking when he officially opened a new wing of the Chung Hwa Middle School here recently.

He emphasised that in planning the development of education in Brunei, the government of His Highness the Sultan took into consideration of the advancement of all schools, including the private ones.

He then appealed to the students to study hard, so as to serve the country in future.

The new block, built at a cost of a hundred and thirty thousand dollars, was named after its donor, Awang Lau Hong Siong, a local businessman.

The construction of the new premises comprising 8 classrooms started last year and was completed recently.

# Khatamal Quran Ceremonies

WAN. — Two Khatamal Quran ceremonies for forty-five trainee teachers of the Seri Begawan Religious Teachers' Training College here were held last Sunday.

The ceremony for male students was held at the college surau, while for the female students, it took place at the college hall.

Both were launched in the morning.

The guests of honour at the ceremonies were the Chairman of the Public Service Commission, Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman and his wife.

# Fire Cadets' camping

SERIA. — The Brunei Fire Brigade organised a camping on Wednesday at Sungai Tali here.

More than 100 cadets from various schools all over the country took part in the activities.

A fire drill competition and other games were held during the camping.

The Controller of Fire Brigade, the Director of Education, and senior officers from the two departments visited the camp site on Saturday.

# Lumut beach festival

LUMUT. — A beach festival will be held on Dec 23 at the resort here.

It is organised by the students of adult classes in the Belait District as one of their yearly projects.

Programmes of the event include a Bintang Kechil Singing Contest which is open to children in the district.

Entry forms and further details can be obtained from the Supervisor of Adult Classes at the Mohamed Alam Malay Secondary School in Seria.

# Police Commissioner returns

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two senior government officers have recently returned home after attending a conference in Sydney, Australia.

They are the Commissioner of Police, Pg Setia Raja Pg Jaya and the Acting Superintendent of Customs and Excise, Awang Mohammed bin Haji Metussin.

They have attended a meeting of Heads of National Narcotics Law Enforcement Agency in the Far East Region.

The assembly was organised by the United Nations and was attended by representatives from over 20 countries.

# Two for pilot training

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Airlines last week announced the selection of two Bruneians to form the State's first local technical crew for the National airline.

Awang Jaidin bin Timbang and Awang Sebastien Newn, both ex-students of the Sixth Form Centre in Gadong were selected to attend a year long pilot training course in Perth, Scotland, starting in January next year.

On completion of the course, the two will spend several months with a British independent airlines to gain some practical experience before returning to pilot Royal Brunei Airlines' aircraft.

An airline spokesman said that several more Brunei citizens were to be recruited in the new year for the same training.

# St. Andrew's Day

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Saint Andrew's School here held its annual speech and prize giving day on Friday.

The guest of honour at the event was the Bishop of Sarawak and Brunei, Bishop Basil Temenggong.

He also spoke at the gathering and then presented prizes to the school's best students.

The prize presentation ceremony was followed by various programmes presented by the school students.

# Seminar on government management

BANDAR SERI BEGAWAN. — A seminar on the government management will be held this month.

The course, organised by the Establishment Department, will be attended by 16 deputy and assistant heads of government departments.

The 4-day seminar is due to start on Dec 17 and will be chaired by Brunei Shell's Head of Training Section, Mr Larry Wallace.

The course is the second of its kind to be organised by the Establishment Dept.

# BIDA'AH DALAM PERKARA HATI

Siri ke-9

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

**Bida'ah dalam perkara hati itu ada bermacham2.**

1. **Shak**

Ia-itu shak pada Allah Ta'ala dan Rasul-nya Nabi Muhammad (Sulallahu 'alaihi wassalam) dan juga shak mengenai hari akhirat. Shak sedemikian ini ada-lah kufur. Barangsiapa yang ada shak sedemikian itu maka hendak-lah ia berusaha membuangkan-nya. Sebaik2-nya ia-lah ia pergi bertanya kapada 'ulama dan ahli ilmu Islam. Kira-nya tidak dapat maka ia bacha-lah kitab2 'ulama yang di-karang dalam perkara ilmu tauhid.

Ada pun perkara was2 dan lintasan hati dalam perkara iman itu memadai-lah sa-seorang itu membenchi-nya dan berpaling daripada-nya dan menguchap

أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطٰنِ الرَّجِيمِ

(berlindong dengan Allah) daripada was2 dalam perkara iman itu.

2. **Sombong**

Sombong itu ada-lah sifat shaitan, ia-itu menolak yang benar (hak) dan betul serta menghinakan manusia dan merendah2kan mereka. Sombong itu penyakit hati. Sa-tengah daripada tanda2-nya ia-lah suka mendahului orang lain dan menzahirkan tinggi diri dan enggan dari di-tegor dan menerima tegoran sa-kali pun perkara itu salah. Begitu juga menghinakan orang2 lemah dan orang2 miskin. Dan tanda-nya lagi ia-lah ia membersehkan diri (ya'ani menyalahkan orang lain); memuji2 diri dan bermegah2 dengan ibu bapa sa-kalipun mereka orang saleh dan mempunyai kelebehan dan dengan nasab (keturunan), kerana kemuliaan yang sa-benar ia-lah takwa bukan dengan nasab itu.

3. **Ria'**

Erti ria' itu ia-lah berbuat amal saperti sembahyang, puasa, bersedekah, naik haji, berjihad, membacha Al-Kor'an — dengan tujuan mendapat pangkat dan kehormatan dan supaya orang memuliakan-nya atau memberinya wang dan harta. Itu-lah nama-nya orang membuat ria' dan menunjok2. Amal-nya itu ditolak dan usaha-nya sia2 samada orang memberi-nya apa yang dichita2-nya atau pun tidak. Ria' itu wajib di-singkirkan sa-bagaimana di-sebutkan dalam Al-Kor'an dan Hadith2, dan wajib sa-seorang itu berniat dalam segala perkara taat serta ibadat dengan maksud berdamping kapada Allah Ta'ala dan memohon pahala akhirat daripada-nya sahaja, tiada kapada yang lain.

4. **Hasad**

Ia-itu hasad kapada orang2 Islam dan sukakan kejahatan menimpa mereka. Begitu juga memendam dendam, churang, sakit hati, tiada menaroh rahmat dan kasehan, jahat sangka kapada mereka. Semua sifat2 itu membawa chelaka dan binasa.

Erti hasad itu ia-lah sa-seorang itu di-dapati di-dalam hati-nya sempit dan keloh kesah dan benchi akan sa-suatu nekmat yang di-kurniakan Allah kapada sa-seorang, samada nekmat itu dalam perkara ugama atau lain-nya, sehingga ia sukakan nekmat itu hilang daripada orang itu. Dan barangkali juga ia berchita2 begitu sa-kalipun nekmat itu tidak berpindah kapada-nya. Itu-lah sa-jahat2 perkara. Maka barangsiapa mendapati sa-suatu dalam diri-nya dari penyakit hasad itu ka-atas sa-seorang Islam maka wajib-lah ia benchikan hasad itu dan menyembunyikan-nya, jangan ia zahirkan dengan perkataan atau dengan perbuatan, moga2 ia selamat.

Jalan keluar dari hasad itu ia-lah: jika kamu hasad jangan-lah kamu jalankan hasad itu. Dan jika orang yang hasad itu melawan hasad-nya dengan memuji orang yang di-hasadkan-nya, berusaha memuliakan-nya, menolong perkara-nya, maka itu ada-lah suatu chara bagi membuang dan melemahkan hasad itu.

Adapun berchita2 hendakkan nekmat saperti nekmat yang diperolehi oleh orang lain (ya'ani ghibtah) maka itu tiada-lah mengapa dan tiada-lah salah. Ada kala-nya di-puji dan ada kala-nya pula harus.

5. **Tidak Menaroh Kasehan**

Adapun tiada menaroh rahmat kasehan kapada orang Islam itu ada-lah menunjokkan keras hati serta bengkeng, dan juga kasar perangai serta lemah iman. Semua-nya itu sifat2 jahat.

6. **Jahat Sangka**

Jahat sangka kapada orang Islam itu erti-nya bersangkaan jahat pada perchakapan dan perbuatan mereka, yang zahir perbuatan dan perchakapan itu baik, tapi di-sangkakan lain dari apa yang di-zahirkan dan nyatakan itu. Atau di-iktibarkan perbuatan dan perchakapan yang boleh di-ihtimalkan baik dan jahat tapi chuma di-ihtimalkan jahat semata2 pada hal boleh di-ihtimalkan baik. Maka itu namanya jahat sangka kapada orang Islam.

Sangka baik kapada orang2 Islam lawan-nya jahat sangka. Maka apa jua perbuatan dan perchakapan orang2 Islam yang zahir-nya baik hendak-lah ihtimalkan ia baik dan taroh-lah sangkaan baik kapada mereka. Dan apa jua perchakapan dan perbuatan yang boleh di-ihtimalkan baik dan jahat maka hendak-lah di-ihtimalkan baik sahaja.

7. **Sukakan Dunia**

Sukakan dunia, berkehendakkan dunia, tamakkan dunia, sukakan nama, harta, tamakkan kedua-nya dan bakhil — kedekut maka semua-nya itu chelaka dan perangai jahat.

Erti dunia itu ia-lah segala apa yang ada di-atas muka bumi ini dari segala shahwat, kesedapan dan segala rupa kesenangan, hiboran dan kemewahan yang di-gemari oleh sa-seorang, serta chenderong hati kapada-nya, tamak pada-nya. Ia-itu sa-bagaimana tersebut segala punchanya dalam ayat Al-Kor'an

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ

Maka orang yang suka bersedap2 dengan dunia semata2 bersedap2 ia-lah orang yang sukakan dunia. Jika ia berlebeh2 sa-hingga mengambil daripada dunia samada haram atau halal sa-hingga ia lalai dari berbuat taat kapada Allah, dan terchebor ka-dalam perkara larangan Allah, maka ia masok di-bawah amaran Allah pada sukakan dunia itu.

Sukakan nama dan harta dan tamakkan kedua-nya ada-lah sangat di-chela. Barangsiapa terlampau sangat menchari nama, pangkat dan menchari kebesaran pada pandangan manusia maka ia akan tersua dengan berbagai2 benchana saperti sombong, ria' berpura2, tiada tundok pada kebenaran dan lain2 sifat keji.

Barangsiapa terlampau sangat merebutkan harta, maka dia akan terjumpa dengan berbagai2 bala' kira-nya Allah Ta'ala membiarkan-nya begitu.

Adapun yang di-keji dari sukakan nama, harta dan tamakkan pada kedua-nya ia-lah berlebeh2 pada kedua-nya itu sa-hingga saseorang itu menchari dan mendapatkan kedua-nya dengan apa jua jalan, samada harus atau tiada harus pada shara'. Dan jadilah dia sebok dengan kedua-nya dengan tiada masa bagi beribadat kapada Allah dan mengingat Allah.

Adapun menchari nama dan harta dengan niat baik kerana kedua-nya boleh menolong bagi berbuat akhirat; menjaga ugama dan diri dari di-cheruboh oleh orang2 yang zalim dan dari berhajat kapada manusia, serta tiada pula sebok dengan kedua-nya dari lalai beribadat kapada Allah Ta'ala dan mengingat Allah, serta tiada hilang takwa dan takutkan Allah Ta'ala, maka hal sa-umpama itu tiada-lah mengapa dan tiada salah, Insha Allah Ta'ala.

8. **Bakhil**

*Shuhhun* dan bakhil itu dua perangai yang chelaka dan membinasa. Adapun *shuhhun* itu ia-lah bakhil yang berlebeh2 sangat ia-itu tamak dan berlebeh2 pada mendapatkan apa yang ada pada tangan orang sa-bagaimana di-katakan oleh ulama. Dan bakhil itu pula erti-nya bakhil dengan apa yang ada di-tangan-nya dan akhir-nya ia bakhil mengeluarkan hak2 yang wajib di-atas-nya pada harta-nya saperti mengeluarkan zakat dan lain2 kewajiban dalam perkara harta. Orang sa-macham itu di-katakan dia orang yang bakhil sa-benar2 bakhil yang akan terdedah kapada chela dan amaran daripada Allah Ta'ala dalam perkara bakhil itu.

Adapun bakhil dalam membelanjakan harta pada perkara kebajikan dan jalan2 mendekatkan diri kapada Allah serta ia boleh berbuat begitu, maka halnya lebeh rengan dari bakhil dalam hak yang wajib. Bagaimana pun ia tetap bersifat bakhil juga. Dan tiada-lah di-namakan sa-seorang itu murah hati sahingga-lah dia membelanjakan harta-nya dalam perkara yang disukai Allah dan ia lebeh suka dari menahan dan memegang harta-nya di-tangan-nya.

9. **Ghurur**

Ia-itu sa-seorang mengelirukan diri-nya dan di-pandang-nya sasuatu perkara itu dengan pandangan yang bukan sa-benar-nya. Ini di-sebabkan lemah pandangan-nya dalam ugama dan kurang pengertian-nya dalam sa-suatu hakikat serta jahil akan benah2 (penyakit) amal dan tipu helah shaitan. Dan juga nafsu-nya melampau2 serta seronok dengan chita2 dan angan2-nya.

Adapun *Ghurur* orang ahli ta'at ia-lah saperti ia menuntut ilmu dan berlengah2 dari beramal dengan ilmu-nya. Kemudian ia berdalil dengan dalil2 yang menunjokkan kelebehan ilmu pengetahuan, dan ia lupa akan amaran2 Allah pada tiada beramal dengan ilmu. Saperti ia belajar dan mengajar kerana menchari pangkat dan tamakkan apa yang ada pada orang. Dan ia menyangka bahawa ia belajar dan mengajar itu sa-mata2 kerana Allah. Tiada pula ia memereksa diri-nya hal ehwal orang2 yang ikhlas serta jujor kerana Allah.

Dan saperti ia membanyakkan sembahyang, puasa dan berbuat perkara kebajikan (pada segi ugama), kemudian ia *'ujub* dengan membesarkan diri-nya dan dengan memandang kapada kebolehan serta kechergasan-nya, dengan ia lupa akan pemberian Allah kapada-nya pada memberi taufek dan hidayat. Maka *'ujub* itu ada-lah suatu dosa dan tiada-lah di-terima amal orang *'ujub* itu.

Dan saperti ia menunjok2kan orang dengan berbuat ibadat, dan ia minta dan berharap daripada orang akan sa-suatu faedah. Kemudian ia menyangka diri-nya telah berbuat ikhlas, jujor samata2 berdamping kerana Allah bukan kerana manusia.

Adapun *ghurur* ahli maksiat dan derhaka ia-lah saperti ia membuat dosa kemudian ia bertaubat dan menguchap istighfar dengan lidah-nya dengan tiada ia mengetahui sharat2 taubat dan tiada dapat menghasilkan hakikat taubat. Kemudian ia menyangka diri-nya telah bertaubat dan menyangka Allah Ta'ala telah mengampunkan-nya. Dan saperti ia membanyakkan membuat dosa serta berlarutan dalam dosa2-nya itu, dan ia chuai pada mengerjakan perkara2 yang wajib. Kemudian ia berdalil bagi pehak diri-nya dengan kadar Allah dan ia tiada berikhtiar serta tiada pilehan pada-nya, dan konon-nya ia tiada berdaya hendak meninggalkan apa yang telah di-takdirkan berlarutan dalam dosa itu. Ini ada-lah suatu ghurur dan kekeliruan yang sangat besar dan orang yang berkata begitu bukan ia Ahlus Sunnah bahkan ia dalam suatu puak yang sesat.

Dan saperti ia berangan2 dapat keampunan serta chuai pada menjunjong perentah Allah dan menjauhi larangan-nya, sa-umpama kata-nya: "Allah Ta'ala itu kaya dari kita dan kaya dari amal2 kita, tiada-lah dosa kita itu memudharatkan Allah dan tiada-lah ta'at kita itu memberi faedah kapada Allah". Ini perkataan yang benar tetapi erti-nya salah dan jahat. Shaitan telah mengelirukan hati-nya dengan menyebut perkara yang salah itu supaya shaitan dapat menahannya dari bertaubat dan berusaha pada menjalankan perentah2 Allah Ta'ala.

Dan saperti sa-tengah ahli2 maksiat bergantong kapada kebaikan datok nenek mereka yang konon-nya datok nenek mereka orang ahli ilmu Islam dan saleh, lalu mereka tiada mengikut jejak langkah datok nenek itu pada perangai, kelakuan, perchakapan mereka yang baik itu. Itu-lah *ghurur* yang nyata dan bodoh yang mendalam.

Dan saperti kekeliruan sa-tengah ahli maksiat dan dosa dengan melihat orang2 saleh dan berkhidmat kapada mereka, dan berbaik2 sangka pada mereka itu. Pada hal dengan keadaan begitu ia menjauhi mereka dengan tiada mengikut sifat2 yang baik dan kelakuan mereka yang baik itu, dan tiada berbuat ta'at saperti orang2 saleh itu berbuat ta'at.

Banyak rupa *ghurur* dan kekeliruan shaitan kapada manusia. Tiada-lah dapat selamat melainkan rujok kapada Allah Ta'ala dan bergantong kapada-Nya di-atas limpah kurnia kelebehan serta kemurahan-Nya; dan bersunggoh2 dan berjaga2 pada berbuat ta'at kapada-Nya; rajin berusaha pada beribadat serta menjauhi maksiat dan dosa; dan shukor di-atas kemurahan2 Allah itu serta mengaku benar2 taqsir dan betul2 chuai dan lemah dari menunaikan sa-suatu hak yang wajib kapada Allah, serta merendahkan diri dan menunjokkan kepapaan kapada Allah; dan sentiasa berdo'a serta beristighfar siang dan malam.

*WALLAHUA'ALAM*



SA-BAIK2 manusia menurut Rasulullah s.a.w. ia-lah orang yang panjang umor-nya dan baik perbuatan-nya. Sedangkan sa-burok2 manusia ia-lah orang yang panjang umor-nya, tetapi jahat kelakuan-nya.

Sa-orang laki2 datang dan bertanya kapada Rasulullah s.a.w.: "Ya Rasulullah! manusia yang mana yang paling baik?" Rasulullah menjawab: *"Manusia yang paling baik ia-lah orang yang panjang umor-nya dan baik perbuatan-nya."*

Lalu orang itu bertanya lagi: "Ya Rasulullah! dan siapa pula yang jahat (burok)?" Rasulullah menjawab: *"Orang yang burok ia-lah orang yang panjang umor-nya, tetapi burok atau jahat perbuatan-nya"*.

## LANJUT USIA PENOH DENGAN AMAL IBADAT

Jadi, perbuatan dan keadaan sa-orang di-akhir umor-nya sangat menentukan apa-kah orang itu termasok orang yang baik — berbahagia atau sa-balek-nya. Sabda Rasulullah yang bermaksud: *"Bila Allah menghendaki sa-seorang menjadi baik, Allah jadikan dia sa-orang yang rajin beramal ibadat*, lalu di-tanyakan: bagaimana chara-nya ya Rasulullah? Rasulullah menjawab: *Di-giatkan Allah dia melakukan pekerjaan2 yang baik sabelum mati, lalu Allah menchabut nyawa-nya dalam keadaan demikian itu."*

Orang demikian itu-lah yang di-namakan orang yang mendapatkan *"Husnol Khatimah"* ia-itu kesudahan yang baik atau orang baik akhir hidup-nya. Lawan-nya ia-lah orang yang mendapat *"Su'ul Khatimah"* ia-itu orang yang akhir hidup-nya tidak baik.

Rasulullah menganjorkan umat-nya selalu berdo'a agar hidup kita di-akhiri dengan *"Husnol Khatimah"* dan supaya kita terhindar dari hidup yang di-akhiri dengan *"Su'ul Khatimah"*.

Tiga malam sa-belum Rasulullah s.a.w. wafat, Baginda menesehatkan dengan sabda-nya yang bermaksud: *"Jangan-lah mati sa-orang dari kamu melainkan dalam keadaan berbaik sangka terhadap Allah"*.

Keadaan yang sa-baik2-nya bagi sa-seorang yang menghadapi maut, ia-lah bila dia dalam keadaan berbaik sangka terhadap Allah, ia-itu dengan penoh harapan kapada Allah harapan yang Allah akan mengampuni dosa-nya, harapan yang Allah akan menyediakan tempat bahagia bagi-nya, harapan yang ia dalam keadaan penoh iman dan takwa terhadap Allah. Harapan yang demikian itu hanya dapat di-chapai bagi orang yang menghadapi mati, bila dia benar2 sudah bertaubat dan meminta ampun atas segala dosa dan kesalahan-nya, taubat dan minta ampun yang sa-benar-nya.

Bila sa-orang menghembuskan nafas-nya yang penghabisan dalam keadaan penoh harapan kapada Allah dan rasa takut akan dosa2-nya, maka orang yang mati dalam keadaan yang paling baik. Tetapi perchayalah perasaan ini tidak akan tumboh di-kala menghadapi mati, melainkan bila sa-seorang itu benar2 beriman dan takwa, chukop amal kebajikan dalam hidup-nya, dan benar2 sudah taubat dan minta ampun atas segala dosa dan kesalahan yang pernah di-lakukan-nya dalam hidup-nya.

Orang yang tidak beriman dan tidak bertakwa, orang yang tidak melakukan amal ibadat dalam hidup-nya, orang yang hidup-nya kosong dari kebajikan bahkan sa-balek-nya penoh dengan dosa, berbuat maksiat, kejahatan dan kesombongan, tidak mungkin dia akan mempunyai rasa harapan kapada Allah di-sa'at menghadapi maut itu. Tetapi semua dosa, kejahatan dan maksiat yang dilakukan-nya itu akan menjadi bayang2 yang datang menakut-nakuti-nya dalam menghadapi maut itu.

Chuba-lah renongkan ayat Allah dalam Al-Kor'an, Surah Al-Kiamat ayat 26—35 yang bermaksud: *"Ingat-lah, apabila nafas (sa-seorang) telah sampai di-kerongkongnya dan di-katakan (kapada-nya): "Siapakah yang dapat menyembohkan-nya?" Dan dia yakin bahawa sa-sunggoh-nya itu-lah waktu perpisahan (dengan dunia) dan bahaya telah tindeh-bertindeh"*.

*"Kapada Tuhan mu hari itu engkau akan kembali. (kerana) Ia tidak mahu membenarkan (Rasul dan Al-Kor'an) dan tidak mengerjakan sembahyang. Tetapi ia mendustakan (Rasul) dan berpaling (dari kebenaran) kemudian ia pergi kapada ahli-nya dengan berlagak sombong. Kechelakaan-lah bagi mu dan kechelakaan-lah bagi-mu."*

Sama2-lah kita berdo'a semoga kita semua termasok orang2 yang di-lanjutkan usia dengan amal perbuatan yang baik sa-hingga menghembuskan nafas yang akhir, dalam keadaan akhir hidup yang baik ia-itu *"Husnol Khatimah"*.

### Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5hb Disember, 1979 hingga ka-hari Selasa 11hb Disember, 1979 ada-las saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 6hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 7hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 8hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 9hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 10hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 11hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

## Jangan beramal untok kepentingan dunia sa-mata

**Bingkisan minggu ini**

Sa-kali peristiwa di-cheritakan bahawa ada sa-orang sahabat yang bernama Hatib telah menchintai sa-orang gadis rupawan yang bernama Ummi Qais. Sa-bagai kebiasaan orang yang berchinta, Hatib berusaha agar si-gadis itu dapat di-mileki-nya. Dia pun meminang Ummi Qais sa-waktu mereka sama2 berada di-Mekah lagi, tetapi malang-nya gadis itu telah menolak pinangan-nya. Kemudian Ummi Qais pun berhijrah-lah pula bersama-sama orang2 Islam yang berhijrah ka-Madinah.

Apabila berita itu sampai ka-pengetahuan Hatib, dia amat berasa dukachita: Oleh sebab terlalu merindukan dan ingin memperisterikan Ummi Qais, lalu Hatib mengambil keputusan untok berhijrah mengikuti langkah Ummi Qais ka-Madinah, dengan harapan agar ia dapat memikat-nya dan memujok-nya sa-mula sa-waktu di-Madinah nanti.

Jadi nyata-lah sudah bahawa hijrah-nya Hatib itu bukan-lah sa-mata-mata kerana tujuan asal berhijrah ka-sana; ia-itu untok menchari tempat perlindongan bagi ugama-nya. Tetapi di-sa-balek itu ada maksud lain yang lebeh di-utamakan-nya; ia-itu moga-moga ia dapat menukar keputusan Ummi Qais yang lalu dan moga-moga Ummi Qais akan menerima-nya kali ini, sebab hati-nya sangat sayang dan menchintai Ummi Qais.

Cherita hijrah-nya Hatib sa-penoh-nya telah di-sampaikan kapada pengetahuan Rasulullah s.a.w. Oleh kerana itu-lah, maka Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: *"Dan barangsiapa hijrah-nya kerana dunia (sebab-sebab keduniaan) yang ia ingin memperolehi-nya, ataupun kerana sa-orang perempuan yang ia ingin menikahi-nya, maka hijrah-nya itu ada-lah kapada apa yang ia berhijrah kapada-nya."*

Berpandukan hadith ini dapat-lah kita mengatakan bahawa penghijrahan Hatib itu tidak mendapat pahala apa2 pun kerana tujuan utama ia berhijrah ada-lah sa-mata-mata untok menawan hati gadis yang di-chintai-nya itu. Sedangkan tujuan utama Nabi dan pengikut2-nya berhijrah ada-lah untok membawa diri dan ugama agar terselamat dari fitnah kekufuran yang mengancham-nya di-Negeri Mekah, yang mana sa-mata-mata menta'ati perintah Allah.

Bagi kita kaum muslimin yang mengikuti cherita Hatib ini, jangan-lah menganggap yang chelaan ini hanya di-tujukan untok Hatib sa-orang saja, tetapi di-sa-balek peristiwa ini ada pengajaran lain yang harus kita perhatikan supaya kita tidak menjadi saperti Hatib pula, sa-hingga chelaan itu menimpa kita bersama.

Dalam menjalani perintah ugama, jangan-lah hendak-nya kita menyaingi ibadat2 kita itu dengan hal2 keduniaan. Bersedekah mithal-nya jangan-lah membangga diri dengan melihatkan kapada orang lain, yang kita-lah yang paling banyak menghulorkan derma. Kalau terjadi demikian ini bererti kita telah memasokkan hal2 keduniaan dalam amalan kita.

Begitu juga dengan sembahyang. Kita chuma mendirikan sembahyang, yang menjadi kewajipan kita di-waktu2 tertentu apabila kena 'lagau' sembahyang berjemaah. Sedangkan pada hakikat-nya kita lalai dan engkar melakukan kewajipan kita itu. Dan kita melakukan-nya pula bukan-lah kerana surohan ugama tetapi ada-lah kerana untok mengabui mata orang lain bukan-kah ini menipu dan merugikan diri sendiri? Dan ingat-lah kewajipan itu tetap kewajipan dan bukan hanya di-buat bila di-'lagau'.

Sama jua hal-nya dengan membuat sa-suatu pekerjaan. Ia sapatut-nya di-buat berteraskan kerana Allah, dan bukan-nya untok mendapat perhatian dan untok membenar-benarkan diri. Kalau-lah kita berharapkan sa-suatu, ini bererti kita tidak ikhlas dalam menjalankan sa-suatu itu, dan bukan-lah ia di-buat kerana Allah tetapi berharapkan sa-suatu.

Lain2 mithalan dalam perkara ini terlalu banyak, dan ini bergantong kapada niat masing2. Oleh yang demikian hendak-lah kita berhati-hati dalam hal ini agar ibadat2 kita tidak di-kongsikan dengan hal2 keduniaan, yang nyata sa-kali di-tegah oleh ugama Islam saperti hadith Rasulullah s.a.w. tadi.

Dan jika kedapatan yang kita melakukan sa-suatu amalan itu di-kongsikan dengan hal2 keduniaan, maka hendak-lah kita sa-bentar awal mengorak langkah untok mengusai diri kita ka-arah yang lebeh baik dan sempurna apa-tah lagi bersempenakan dengan tahun baru Hijrah ini.

# PENUNTUT2 BRUNEI DI-CAIRO JUGA MENGADAKAN MAJLIS TAHLIL

KAHERAH. — Di-mana2 juga masharakat Islam Brunei berada, ketika hari lindong Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit ibnata Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, ada-lah sama2 merasakan kedukachitaan. Sa-bagai tanda berdukachita itu mereka *berkabong* dan juga tidak lupa memanjatkan do'a2 kehadhrat Allah semoga roh Almarhumah di-chuchori rahmat dan di-kumpolkan bersama2 arwah orang saleh dan muttakim.

Di-Kaherah, Mesir, penuntut2 Brunei yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di-sini serta sa-orang Pegawai Kanan Ugama yang sedang berkursus fatwa di-sini, juga tidak ketinggalan mengadakan Majlis Tahlil untok Almarhumah. Sa-belum itu mereka telah mendirikan Sembahyang Berjemaah di-tempat kediaman Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned (sa-orang Pegawai Kanan Ugama yang pada masa ini sedang mengikuti kursus dalam bidang fatwa).



KETERANGAN2 gambar atas; sa-bahagian penuntut2 Brunei di-Mesir sedang membacha do'a arwah (Majlis Tahlil) kerana lindong-nya Almarhumah DYTM Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, sementara gambar bawah sa-bahagian dari penuntut2 wanita Brunei dalam majlis itu sedang menekmati jamuan sa-baik2 sahaja selesai Majlis Tahlil. — Berita dan gambar2 kiriman, Ak Haji Jaberudin Pengiran Mohd Salleh, Ketua Penuntut2 Brunei, di-Kaherah, Mesir.



# MAJLIS KHATAM KOR'AN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kakitangan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-sini akan melangsongkan Majlis Khatamal Kor'an pada 15hb Disember, 1979, sempena menyambut tahun hijrah 1400.

Majlis tersebut akan di-langsongkan di-Dewan Jururawat Rumah Sakit Besar di-sini. Sa-ramai 21 orang kakitangan di-Jabatan tersebut akan mengambil bahagian yang terdiri dari pelajar2 dewasa Ugama Jururawat, Kelas Zikir dan Kelas Kor'an.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, di-jangka akan menjadi tetamu kehormat di-majlis itu dan akan menyampaikan uchapan alu2an.

Dalam majlis itu juga akan menyampaikan sagu2 hati kapada kanak2 damit yang lahir pada 1hb Muharram, 1400 bersamaan 21hb Nobember, 1979. Majlis yang akan di-jalankan mulai jam 7.30 malam itu akan juga di-serikan dengan hidangan2 nashid oleh pelajar2 kelas2 ugama itu.



GAMBAR2 atas dan bawah menunjokkan Majlis Tahlil kerana memperingati arwah Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit yang telah lindong pada bulan September lalu. Majlis tersebut telah di-adakan oleh Pegawai serta kakitangan2 Jabatan Talikom, Bahagian Taligerap, di-Pejabat Talikom, Bandar Seri Begawan, yang baru lalu.



# RANCHANGAN SAMBUTAN TAHUN HIJRAH 1400

| BIL : | TARIKH | ACHARA | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| | | **Pagi–Petang :** | |
| 1. | Hari Khamis 23hb Muhaaram 1400 (13hb Disember 1979) | i. Majlis Pelancharan Risalah Disiplin Sambutan Tahun Hijrah 1400 bagi Sekolah2/Maktab2 dan Asrama2 seluroh negeri. | i. Di-Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong. |
| | | **Malam :** | |
| | | i. Majlis Pertandingan Akhir berzanji dan Bachaan Al-Kor'an | ii. Dewan Kemasharakatan, Belait. |
| | | ii. Cheramah dan Kempen Sembahyang Jumaat dan Sembahyang berjemaah (sa-lepas Fardhu Maghrib sementara menunggu Isha) | i. Balai Raya Kampong Lumut, Belait.<br>ii. Lurong 5 Seria (Rumah Awg. Hashim Ahmad)<br>iii. Masjid Sufri Bolkiah Brunei.<br>iv. Surau Kampong Serdang, Brunei.<br>v. Masjid Kilanas, Brunei.<br>vi. Masjid Sungai Hanching, Brunei.<br>iiv. Masjid Kiudang, Tutong.<br>viii. Masjid Kupang, Tutong. |
| | | iii. Forum Belia (Lepas Isha) | iii. Pusat Belia, Brunei. |
| | | **Pagi :** | |
| 2. | Hari Jumaat 24hb Muharram 1400 (14hb Disember 1979) | i. Pembukaan Rasmi Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin. | i. Kampong Kati Mahar, Brunei. |
| | | ii. Pembukaan Rasmi Masjid Selangan | ii. Kampong Selangan, Temburong. |
| | | **Tengahari :** | |
| | | Cheramah dan Kempen Sembahyang Jumaat dan Sembahyang berjemaah (sa-belum Fardhu Jumaat) | i. Masjid Menunggul, Brunei.<br>ii. Masjid Kasat, Brunei.<br>iii. Masjid Batu Marang, Brunei.<br>iv. Masjid Tanjong Maya, Tutong.<br>v. Masjid Penapar, Tutong.<br>vi. Masjid Layong, Tutong. |
| | | **Malam :** | |
| | | Cheramah dan Kempen Sembahyang Jumaat dan Sembahyang berjemaah (sa-lepas Fardhu Maghrib sementara menunggu Isha) | i. Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kampong Kati Mahar, Brunei.<br>ii. Masjid Selangan, Temburong. |
| | | **Pagi :** | |
| 3. | Hari Sabtu 25hb Muharram 1400 (15hb Disember 1979) | i. Majlis Khatam Al-Kor'an penuntut2 Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah Batu 1½, Jalan Tutong | i. Dewan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Brunei. |
| | | ii. Kursus Muallaf | ii. Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Temburong. |
| | | iii. Pameran Keselamatan dan Pertahanan Askar Melayu Diraja, Brunei | iii. Di-Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong. |
| | | **Petang :** | |
| | | Pameran Hasil Kerja Tangan Wanita | Dewan Kemasharakatan, Belait. |
| | | **Malam :** | |
| | | Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Pementasan Drama yang berchorak keugamaan. | Dewan Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Belait. |

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 5HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "The Cloud Minders"
Satu utusan kechemasan untok menyelamatkan sa-buah planet terganggu apabila pegawai2 Enterprise terjerat dalam pemberontakan "abdi" terhadap "ketua2" mereka.
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 LAGU2 DAAWAH — "Aidil Adha"
7.26 AZAN ISHA
7.30 LAGU2 DAAWAH — sambongan
7.40 WHO PAYS THE FERRYMAN? — Siri baru untok menggantikan siri Flambards.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 PERKEMBANGAN UGAMA ISLAM DI-BRUNEI — "Chatetan Kitab2 Dan Buku2 Ugama Di-Brunei"
9.20 CHERAMAH DAAWAH
9.40 SHOW OF THE WEEK — Val Doonican
10.20 GUSTI
11.10 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.22 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 6HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 BIG BLUE MARBLE — sambongan
6.30 DOCTOR WHO
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT
7.28 AZAN ISHA
7.32 HIDAYAT — sambongan
7.40 THE SACKETTS
8.30 WARTA BERITA
8.45 DOCUMENTARY: Traditional World of Islam — "The Pattern of Beauty"
9.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.15 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.27 SIARAN TAMAT.



SUASANA tegang di-antara Kaz (Ron Leibman) dan Katie (Linda Carlson) apabila Kaz mengatakan akhbar Katie-lah yang menyebabkan pelanggan Kaz sa-olah2 bersalah dalam kesah yang berjodol "Who's On First and Sixth" dalam siri KAZ. Ranchangan ini akan kaudara pada hari Sabtu jam 9.05 malam.

## JUMAAT — 7HB DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 FAMILY CLASSICS— "Puss In Boots"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 UNDER THE SAME SUN
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 UNDER THE SAME SUN — sambongan
6.30 FAMOUS FIVE — "Five Go Down to the Sea"
Kanak2 ini menyiasat gua2 di-waktu malam dan mendapati ada-nya lampu2 yang penoh misteri dan sa-suatu yang ganjil sedang berlaku.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 NASHID HIJRAH
7.28 AZAN ISHA
7.32 NASHID HIJRAH — sambongan
7.40 THE OSMOND FAMILY SHOW
8.30 WARTA BERITA
8.45 CHERAMAH DAAWAH
9.05 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.55 HAWAII FIVE "O" — "Sing A Song of Suspense"
Steve McGarret dan kumpolan Five 'O'-nya mesti-lah melindongi Chelsea Merriman dari di-bunoh oleh Koko Apaleka, yang terkenal kerana kegiatan penipuan-nya.
10.45 SCORPION TALES — "Crimes of Persuasion"
Siri baru menggantikan Thriller.
11.35 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.47 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 8HB DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — " The Switch"
Chiru Chiru sudah bosan tinggal dengan ibu-nya siapa yang di-anggap-nya sangat kejam dan suka memerentah. Ia merasa iri hati terhadap Kum Kum kerana bapa-nya sangat baik terhadapnya. Chiru Chiru menyakinkan Kum Kum untok bertukar rumah dengannya.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 CHERAMAH DAAWAH
7.28 AZAN ISHA
7.32 CHERAMAH DAAWAH — sambongan
7.40 TARGET — "Van Draggers"
Dua orang penjahat kechil dengan tidak sengaja menggangu satu pergerakan jenayah yang terbesar dan skuad ini terpaksa menyiasat dua pembunohan.
8.30 WARTA BERITA
8.45 PERKEMBANGAN ISLAM DI-BRUNEI — "Asas Perkembangan Jabatan Hal Ehwal Ugama"
9.05 KAZ — "Who's On First and Sixth ?"
Sa-orang pemain baseball yang professional dan terkenal di-tudoh memukol dua orang peminat dan Kaz ditugaskan untok membela-nya.
9.55 BIG LEAGUE SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM MINGGU: "Fancy Pants"
12.15 PETIKAN DARI AL-KORAN
12.27 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 9HB DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 AL- KESAH
5.45 READING WITH LENNY



DUA orang pelakun utama dalam satu adigan dalam filem Fancy Pants yang akan di-tayangkan pada hari Sabtu jam 10.45 malam.

6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE GREEN HORNET
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 THE GREEN HORNET — sambongan
6.30 TAHUN KANAK2 Bahagian 2
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MIXED BLESSINGS— "The House Warming"
7.28 AZAN ISHA
7.32 MIXED BLESSINGS — sambongan
7.40 THE INCREDIBLE HULK— "No Escape"
The Hulk yang tidak mengetahui apa2, menolong sa-orang yang membahayakan dari tahanan pulis, dan David Banner terpaksa menebus kesilapannya.
8.30 WARTA BERITA
8.45 MARI MENARI
9.30 THE IMMIGRANTS — Bahagian 1
The Immigrants oleh Howard Fast ada-lah sa-buah kesah lengkap tentang untong nasib Dan Lavette siapa yang menetap di-California dan mengusahakan sa-buah sharikat perkapalan yang besar.
11.00 THE NEXT STEP BEYOND
11.30 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.42 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 10HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Tenderfoot Teddy"
Sa-orang pemuda yang lemah tetapi berchita2 tinggi bernama Teodore Roosevelt hampir2 terbunoh apabila ia chuba untok menyesuaikan diri dihutan belantara.
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 PERUBATAN
7.28 AZAN ISHA
7.32 PERUBATAN — sambongan
7.40 PETROCELLI — "The Kidnapping"
Petrocelli membela sa-orang ibu muda yang di-tudoh mencholek anak lelakinya sendiri, dan juga di-tudoh membunoh apabila sa-orang wanita, pembantu kapada sa-orang senator yang berkuasa, datok kapada anak lelaki itu, di-dapati terbunoh dalam keadaan2 yang sunggoh membingongkan.
8.30 WARTA BERITA
8.45 CHERAMAH DAAWAH
9.05 MAJALLAH BRUNEI
9.25 VEGAS
10.15 POLDARK — Episod 12
Ross kembali ka-Westminster dengan meninggalkan Demelza untok memerhatikan sekitar hal keadaan di-Nampara tetapi belum pun lama, timbul pula kesulitan2.
11.05 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.17 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 11HB DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VISION ON
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 VISION ON — sambongan
6.30 BATTLE OF THE PLANETS — "The Ghostly Grasshopper"
Zark, tatkala menguji kegiatan galactic mendapati ribut taufan menganchamCosmic City. A-Force di-hantar bagi satu utusan untok memberi bantuan tetapi mereka bertembong pula dengan sa-buah tornado yang penoh misteri yang hampir2 memusnahkan mereka.
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 SERIKANDI
7.30 AZAN ISHA
7.34 SERIKANDI — sambongan
7.40 THE HARDY BOYS — "Search For Atlantis"
Mereka di-tugaskan untok menchari Atlantis dan usaha mereka untok menghanchorkan satu kegiatan dadah dipulau Greek yang exotic menjadi sunggoh menggerunkan apabila Joe Hardy tertanam hidup2.
8.30 WARTA BERITA
8.45 ARENA SOKAN
9.25 DRAMA HIJRAH — "Fajar Satu Hijrah"
10.15 KOJAK — "Halls of Terror"
Dr. Page, sa-orang pakar jiwa yang menjadi kakitangan sa-buah hospital merasa bimbang bahawa salah sa-orang pesakit-nya ada-lah bertanggong-jawab membunoh beberapa orang kakitangannya dan merasa bertanggong-jawab kerana ia tidak dapat mengenali si-pembunoh.
11.05 PETIKAN DARI AL-KORAN
11.17 SIARAN TAMAT.

# SISWAZAH BRUNEI MINGGU INI



MINGGU ini SISWAZAH BRUNEI menjemput awda mengikuti temuramah kami dengan Awang Lim Jock Cheng, Penulong Pengetua Maktab Anthony Abell, Seria.

Beliau beroleh B.Sc. (Hons) dalam bidang Biochemistry dari Salford Universiti, United Kingdom pada tahun 1977. Ranchangan ini akan ka-udara pada 7hb Disember jam 7.30 malam dan ulangan-nya pada hari Sabtu jam 1.00 tengahari.



BRUNEI GRADUATES programme this week invites you to listen to the challenges faced by yet another graduate in achieving their aim to obtain a professional degree. At 12.45 pm tomorrow it's the turn of Dayang Norsiah binte Abdul Gapar a Medical Biochemist with the General Hospital in Bandar Seri Begawan who graduated with a BSc Honours in Medical Biochemistry from the University of Surrey. In case you miss the first broadcast, tune it for it's repeat on Sunday 9.12.79 at 8.00 pm. Picture shows Dayang Norsiah being interviewed by the Producer Viviyanti Ali.



BARIS... radio ... Mahma... Skerip ... an dal... dan T... Drama... 1979 ...

**intisari RTB minggu ini**

"W... P...

SATU ... pada ... BARDS ... MAN ... nya pa...

Gam... sa-baga... bagai ... Epis...

Hald... man2 ... anak ... chinta ...





ANOTHER half hour of fun and excitement will occupy your weekend afternoon when another pair of enthusiastic teams comprising Paul Bennett and wife, Jill, and Krishan Jalie and partner, Christine Mann, will compete with each other on this week's guessing game programme, "Two Away For No" which is hosted by Pg Asmalee bin Pg Ahmad.

This programme can be heard this Sunday, 9th December at 1.00 pm, and will be repeated on Tuesday 11th December at 9.30 pm.

If you wish to take part in this programme, please ring up the producer, Nafisah Haji Ali, at RTB, tel 23111 Ext 243, during normal working hours.

KELIHATAN dalam gambar kiri, penerbit ranchangan Ranchangan Tetamu Minggu ini Awang Md Ali Majid, sedang menemuramah sa-orang tetamu dari Sarawak, dia ia-lah Awang Kesuma Jaya.

Ranchangan ini di-siarkan pada tiap2 malam Isnin jam 8.30. Dan Hari Selasa jam 1.00 tengahari.

## Rakaman untok MUTIKA 1980

RADIO Talivishen Brunei akan merakamkan ranchangan MUTIKA 1980. Sa-ramai 60 orang peserta akan bertanding dalam 10 ranchangan suku-akhir yang mana telah pun bermula bulan lalu. Empat ranchangan suku-akhir telah pun di-rakamkan.

Kapada peminat2 seni suara di-tanah ayer dan juga orang ramai yang ingin menyaksikan pertandingan suku-akhir MUTIKA '80 ini, ada-lah di-persilakan datang ka-Dewan Raya RTB pada hari Jumaat, 7hb Disember mulai jam 2.00 petang. Sa-banyak dua ranchangan ia-itu ranchangan ketiga dan ke-enam akan di-rakam pada hari itu. Saramai 12 orang peserta akan bertanding pada hari itu.

Kanak-kanak yang berumor 12 tahun ka-bawah tidak di-benarkan masok. Datang-lah beramai-ramai menyaksikan pertandingan suku-akhir MUTIKA '80.





ADIGEN ini ada-lah dari "HARDY BOYS ... berjodol "SEARCH FOR ATLANTIS". Kelih... PAMELA JEAN BRYANT, SHAUN CASSI...



BARIS ... para artis yang menjayakan drama radio ... minggu Satu Harapan' karya Awang Mahmud ... pengarah Di-Gadong Haji Abu Bakar. Skerip ... ini memenangi hadiah penghargaan dalam ... peraduan menulis skerip drama radio dan T... sempena sambutan tahun hijrah 1400. Drama ... akan di-siarkan pada 9hb Disember, 1979 ... 12.00 tengahari.

## "W... Pays The Ferryman?" siri drama baru

SATU siri drama yang baru di-mulakan pada ... ini bagi menggantikan siri FLAMBARDS ... bertajok "WHO PAYS THE FERRYMAN" ... yang akan dapat di-saksikan tayangan-nya pada jam 7.40 malam ini.

Gam... bawah menunjokkan Jack Hedley sa-bagai ... dan Haldane dan Betty Arvaniti sa-bagai ... Zeferis.

Episod malam ini berjodol RETURN TO YESTERDAY.

Hald... pulang ka-Crete untok menemui teman2 ... dan musoh2 lama-nya, sa-orang anak perempuan yang tidak di-kenali-nya dan ... chinta ... nya pada Annika.





...RDY B... MYSTERIES" dalam episod yang ...NTIS" ... di-lihatan di-sini ia-lah (kiri ka-kanan) ...AUN ...SSIDY dan SAMMY CRESPI.

## SCORPION TALES ganti THRILLER

SATU lagi siri baru yang akan di-mulakan minggu ini ia-lah "SCORPION TALES" untok menggantikan siri THRILLER. Tayangan-nya akan dapat di-saksikan pada hari Jumaat jam 10.45 malam.

"Scorpion Tales" merupakan tajok bagi satu siri drama yang mengandongi enam buah lakunan yang tersendiri. Satu2-nya hubongan di-antara drama2 ini ia-lah sa-tiap drama berakhir dengan putar belit saperti kala-jengking

David Reid menerbitkan "Scorpion Tales" (dan juga menerbitkan tiga dari drama2 ini) mengundang penulis2 yang berkalibar.

Penulis2-nya di-beri kebebasan untok menulis: hanya satu yang di-pinta ia-itu putar belit saperti kala-jengking. Kesudahan-nya ada-lah drama2 yang merupakan perchubaan sa-orang lelaki untok mengatasi komputer ("Killing"); sa-buah drama yang tegang mengenai sa-orang anggota pulis yang menjadi sasaran dalam perbuatan membalas dendam perhubongan sejenis ("Easterman"); sa-buah drama yang menyeramkan mengenai satu kursus latehan yang rahsia (Truth or Consequence); kumplot satu keluarga untok mengelakkan pemungut chukai ("The Ghost in the Pale Blue Dress"); kesah sakti mengenai sa-orang budak lelaki yang chuba mendapatkan perhatian bapanya menggunakan kuasa2 seher ("The Great Albert"), sa-buah drama mengenai keputusan sa-orang ahli politik untok menggantikan sa-orang perempuan simpanan-nya sejak sekian lama dengan sa-orang perempuan muda ("Crimes of Persuasion").

Episod pertama minggu ini berjodol "Crimes of Persuasion".



KUMPOLAN Nashid Bomba akan mengisikan ranchangan Nashid Hijrah kali ini yang akan dapat di-ikuti pada Hari Jumaat 7hb Disember, 1979 jam 7.10 malam.



AMPUAN Hussein bin Ampuan Tahir salah sa-orang pelakon yang menjayakan drama Fajar Satu Hijrah yang akan di-tayangkan pada hari Selasa, jam 9.25 malam.

## "Fajar Satu Hijrah" drama daawah minggu ini

SA-BUAH lagi drama daawah akan di-siarkan oleh RTB melalui rangkaian 5 dan 8 pada jam 9.40 malam. Drama kali ini bertajok "Fajar satu Hijrah" hasil karya Pengiran Rajeh bin Pengiran Haji Abdul Rahman yang telah mendapat tempat yang ke-empat dalam peraduan menulis skerip drama radio dan talivishen sempena sambutan tahun hijrah 1400.

Fajar Satu Hijrah mengesahkan bagaimana segulongan manusia yang mengabaikan surohan2 ugama Islam, hanya ashek dan leka dengan kegiatan hobi mereka. Apa yang hanya mereka lakukan, ia-lah ashek dengan memburu di-hutan belantara. Banyak masa yang terluang untok menunaikan surohan Tuhan mereka tinggalkan begitu saja.

Pak Yudin (yang di-pegang peranan-nya oleh Ampuan Hussin bin Ampuan Tahir) ada-lah watak utama dari sa-orang kepala perburuan yang mengharapkan hasil buruan, dan Bakri anak-nya (yang di-lakunkan oleh Md Zain Hj Omar) ada-lah menjadi penolong pengurus Sharikat Sudra Jaya telah di-panggil pulang dengan alasan ibu-nya sedang sakit.

Kepulangan-nya telah membawa keadaan yang sangat genting dalam keluarga-nya. Benar-kah Ibu Bakri sedang sakit? Benar-kah ibu-nya itu hampir menghembuskan nafas-nya yang terakhir? Hanya Fajar Satu Hijrah yang dapat menentukan-nya apabila di-tunton nanti.



SALAH satu adigan dalam siri The Life and Times of Grizzly Adams yang akan di-tayangkanpada hari Isnin jam 6.02 petang.

## "Fancy Pants" tayangan gambar minggu ini

PELAKUN2-NYA terdiri dari Lucille Ball sa-bagai Aggie Floud dan Effie (Lea Penman) sa-bagai ibu-nya. Mereka merupakan orang2 kaya-baru berbangsa Amerika yang melawat Eropah untok mempelajari chorak kebudayaan di-tempat ini.

Turut membintangi filem ini ia-lah Hugh French sa-bagai George Van Basingwell, Bob Hope sabagai Humphrey, John Alexander sa-bagai President Theodore Roosevelt dan Bruce Cabot sa-bagai Cart Belknap.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

**PAGI**: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45— Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda ?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU)—Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

**PAGI**: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran selingan; 10.30—Teman mekar (SU); 11.00—Usaha Jaya (SU); 11.30—Dari Kampong ka-kampong. **T/HARI**: 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukkadam; 6.00—Mari berzikir—Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

**PAGI**: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristewa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI**: 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG**: 2.00 — Untok Belia; 2.30 -- Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00—Hiboran/Liputan Express; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00—Irama lagu asli—Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

**PAGI**: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Brunei Graduates (SU); 1.30—Ruangan Bertutoran. **PETANG**: 2.00 — Kuliah pendidekan sastera; 2.30 — Lagu hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 —Bahas/kuiz ka-sekolah2; 3.45 — Permintaan kaum wanita; 4.30 — Majallah Commonwealth; 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 —Buloh perindu—Azan maghrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

**PAGI**: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30— Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI**: 12.00— Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG**: 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun—Azan asar; 3.46—Mengenang Zaman Silam; 4.00—Arena Sokan; 4.30—Majallah shell; 5.02 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45— Komintar radio; 6.00—Buloh perindu (SU)— Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00—Suara parajurit—Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15— Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

**PAGI**: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI**: 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Hiboran/Liputan Express; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama di-senja—Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

**PAGI**: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI**: 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Hiboran/Liputan Express; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM**: 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00— Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### APA PILEHAN AWDA



DAYANG Rosinah binte Rahim, No. 88 Kampong Bang Nukat Jalan Lamunin, Tutong (gambar atas) akan mengisikan ranchangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Dalam ranchangan sa-tengah jam yang akan ka-udara pada hari Jumaat, 7hb Disember jam 9.00 pagi itu, Dayang Rosinah akan memileh tujoh buah lagu kegemaran-nya untok hiboran peminat2 ranchangan tersebut.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON**: 12.00 — Melody Time. **PM**: 12.30—News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Brunei's Top Seven by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — What's Wrong With Me Doctor ? (repeat); 8.15 Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30—Shape of the Future (repeat); 9.45 — Sergie Mendes and Brasil '66'; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . 11.45 — World of Education. **NOON**: 12.00 — My Music. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Brunei Graduate produced by Viviyanti Ali; 1.15 — In Search of the Curious by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five "Break My Heart" by William Golding; 8.45 — Those were the days — by Jaafar Yaakob; 9.15 — News; 9.30 — Popular Classics — Programme 6: Symphonies (Romantic) Part 4 by Hajjah Zainah; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Rock Line; 11.15 — Inter-School Debates produced by Tajul Ahmad; 11.45 — Light Music From The Netherlands; **NOON**: 12.00 — Radioscope produced by Viviyanti Ali. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — My Word; 1.15 — The Practical World; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Inter-School Debates (repeat); 8.30 — Calling On You presented by Sheikh Abbas; 9.15 — News; 9.30 — Dr Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — A Hundred Years of Dance Music Programme 11: Big Band Paradise; 11.30 — International Call. **NOON**: 12.00 — Many A Slip. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club — Five Round about to heaven by John Bingham episode 5/10; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (repeat). **PM**: 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong With Me Doctor ? by Bob Kay; 1.00 — "Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—Brunei Graduate (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hellow Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. **NOON**: 12.00 — Steptoe and Son. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — H.M.S. Pinafore by Gilbert and Sullivan presented by Krishan Jalie; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement—World of Books; 8.30 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.00 — Light Music from Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — John Fox presents; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

**AM**: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazines; 11.15 — Housewives' Special; 12.15 — Shapes of the Future by Viviyanti Ali. **PM**: 12.30 — News; 12.45 — Behind the News by Jaafar Yaakob; 1.15 — Great Instrument Hits Side 1; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Meat Loaf" Side 1; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00— Close Down.

# Keupayaan dan Kesunggohan mereka sukar di-tandingi

**BERIKUT ia-lah uchapan penoh Y.B. Setia Usaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Memperingati Sambutan Tahun Hijrah 1400, di-Upachara Pembukaan Rasmi Pameran Sejarah Perkembangan Islam Di-Brunei pada 21hb Nobember, 1979 yang lalu.**



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika beruchap di-upachara tersebut.

ALHAMDULILLAH, kita bershukor ka-hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, salawat serta salam kapada Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan kapada sahabat2 kaum keluarga serta pengikut2 Baginda yang setia sa-panjang zaman.

Ampun beribu ampun,

Hamba Duli Tuan Patek, bagi pehak Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Tahun Hijrah 1400 dan Jawatankuasa Pameran Sejarah Perkembangan Islam di-Brunei terlebeh dahulu menjunjong kaseh atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patek berchemar Duli ka-majlis ini bagi bertitah dan seterus-nya akan menyempurnakan pembukaan-nya dengan rasmi, dengan izin Allah sa-bentar lagi.

Sesunggoh-nya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patek untok bersama-sama raayat dalam peristewa yang bersejarah pada menandakan kedatangan kurun ke-15 Hijrah Nabi Muhammad s.a.w., ada-lah melambangkan keazaman dan kesunggohan negeri ini yang di-bawah pimpinan Kebawah Duli Tuan Patek pada memperkuatkan Islam dan chara2 hidup serta ajaran2 Islam yang telah berada tidak kurang dari 600 tahun di-bumi Brunei yang bertuah ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patek itu ada-lah dengan sendiri-nya menambahkan pengertian majlis dan isi pameran ini yang mana akan di-jadikan salah satu ristaan yang tidak dapat di-lupakan dalam sejarah perkembangan Islam di-Brunei.

Ampun beribu ampun,

Pada menyembahkan pameran ini, ia-nya ada-lah di-jadikan sa-bagai asas bagi semua achara2 yang di-adakan bagi menyambut kedatangan Tahun Hijrah 1400 di-seluroh negeri. Ini ia-lah kerana pameran ini mengandongi chontoh2 dan gambaran2 perkembangan Islam dari sejak kedatangan Islam hingga sekarang di-Brunei. Oleh sebab itu pameran ini akan mengandongi 8 ruang saperti berikut:—

1. Sejarah kedatangan Islam
2. Kesenian dan kebudayaan orang Islam
3. Masjid2 di-Brunei
4. Ugama Islam dalam pentadbiran negara
5. Persekolah dan pelajaran ugama
6. Kitab2 ugama
7. Tokoh2 Ugama di-Brunei, dan
8. Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sa-chara rengkas ruang pameran pertama akan menampakkan kesan kedatangan Islam melalui nisan Sultan2, baik yang sudah lama di-ketahui atau yang baru di-ketemukan terutama tiga buah nisan yang baru di-temui, satu dalam bahasa Melayu dan Arab, bertarikh 440 Hijrah ia-itu Putera sa-orang Sultan yang bernama Sultan Abdul Majid ibni Sultan Muhammad Shah yang di-jumpai baru2 ini di-perkuboran Jalan Residensi, satu dalam tulisan Sanskrit yang bertarikh 821 Hijrah yang di-temui di-Perkuboran Kianggeh dan satu dalam bahasa China yang bertarikh tahun 1264 Masehi di-temui di-Perkuboran Rangas Besar. Ketiga-tiga nisan ini menjadi tanda bahawa kedatangan Islam bukan-lah perkara kechil, bahkan di-ketahui oleh sumber2 antara bangsa yang besar yang mana pada masa itu memakai bahasa Arab, China dan Sanskrit sa-bagai bahasa perantaraan. Ini menandakan bahawa keIslaman Brunei dari sejak dahulu telah di-kenali hingga pada masa orang2 Sepanyol datang ka-Brunei, mereka sendiri mengakui kegagahan orang2 Islam Brunei yang di-bawah pimpinan sultan2 mereka.

Dalam bahagian kesenian dan kebudayaan akan dapat di-lihat 'putaran hidup' Islam dari masa lahir hingga ka-liang lahad dan pengalaman chara2 Islam itu dalam kehidupan sa-hari2 oleh orang2 Brunei. Chontoh2 tabir, lawangan, saujadah, langit2, alat2 perkahwinan, alat2 perhiasan diraja, tulisan2 lama, menampakkan bagaimana Kalimah2 Sahadat, di-jadikan tanda2 dan perhiasan yang sangat mengkagumkan yang agak susah untok di-tandingi oleh orang2 sekarang yang walau pun mempunyai kemudahan2 sains dan teknoloji yang banyak tetapi keupayaan dan kesunggohan mereka tidak sama.

Masjid2 di-seluroh Negeri Brunei di-pamerkan sa-lengkap-nya, masjid merupakan bahagian yang termesti kapada umat Islam, tanpa masjid orang Islam terasa lemah dan miskin. Di-Brunei peranan masjid tidak dapat di-pisahkan dari kehidupan. Dalam sejarah kedatangan Sultan Sharif Ali, apabila saja Baginda di-angkat menjadi sultan sa-bagai yang di-sebut dalam Tarsilah Besar, Baginda yang mula2 berbuat masjid bagi *'mengeraskan shari'at Nabi Muhammad s.a.w.'*

Kemudian dalam pameran ini pula akan di-perlihatkan kedudokan Ugama Islam dalam perlembagaan dan pentadbiran. Bahagian ini sangat perlu bagi menampakkan pengaroh ugama dalam politik negeri dan Kerajaan bersama dengan orang2 yang mengambil bahagian dengan kuasa2 dan tanggong-jawab mereka. Dan dalam hal ini satu institusi yang penting ia-lah Majlis Ugama Islam Brunei yang di-tubohkan dalam tahun 1955, di-mana chawangan2 dan bahagian2 serta pehak yang berkenaan dalam majlis itu di-terangkan dengan luas-nya, terutama bahagian yang berkenaan dengan undang2, zakat fitrah muallaf dan kegiatan-nya. Majlis Ugama Islam menurut salah sa-orng pengkaji dari sa-buah universiti Amerika yang datang beberapa tahun dahulu ka-Brunei *'ada-lah merupakan salah satu kuasa pemerentah yang berkesan di-Brunei.'*

Kemudian pameran ini akan memperlihatkan darihal pelajaran dan persekolahan Ugama di-Brunei khas-nya dari sejak tahun 1950, ia-itu dengan penghantaran beberapa penuntut ka-Sekolah Arab Al-Junied Singapura yang kini telah menjadi antara tenaga pengembang yang terpengaroh di-Brunei.

Dari pameran mengenai pelajaran, pameran ini di-sambong dengan pameran mengenai Kitab Al-Kor'an, kitab2 ugama, tulisan2 tangan lama, chontoh2 tulisan ayat2 Kor'an di-masjid2, di-makam2, di-atas senjata2, barang2 pechah belah dan lain2 yang menunjokkan kesan2 seni Islam dalam bentok tulisan jawi dari awal sampai kini.

Satu sudut yang agak yunik dalam pameran ini, yang barangkali tidak wujud di-dalam masharakat lain, ia-lah ada-nya apa yang di-namakan sa-bagai 'Menteri Ugama' dalam adat-istiadat Brunei yang sampai sekarang mereka alhamdulilah tetap di-pelihara. Gelaran2 ini menunjokkan betapa pengaroh ugama itu di-beri tempat yang terpandang dalam adat-istiadat yang mengertikan chiri ugama itu di-pelihara untok menyesuaikan adat-istiadat dengan ugama.

Bahagian yang di-hujong pameran ini ia-lah pameran mengenai Jabatan Hal Ehwal Ugama sejak tahun 1954 hingga sekarang baik dari segi pentadbiran, kegiatan2, bahagian2-nya dan lain2 lagi yang tidak-lah perlu di-perkatakan di-sini sa-chara satu persatu.

Kemudian sa-belum kita meninggalkan pameran ini tentu ada dua pertanyaan akan timbul. Pertama, bahawa pada umom-nya perkembangan Ugama Islam di-Brunei ada-lah nyata pesat-nya dari tahun lima pulohan. Tentu-lah kita bertanya siapa-kah yang menjadi pengasas dan penggerak-nya? Maka dalam satu bahagian di-pamerkan ini Inshaallah kita akan mendapati jawab-nya tenaga penggerak dan pengasas perkembangan itu dengan mempamerkan jasa2 dan inisiatif2 yang besar yang sudah dapat di-bandingkan dengan tokoh2 lama dalam masa 600 tahun perkembangan Islam di-Brunei.

Demikian-lah sedikit sa-banyak isi mengenai pameran ini yang mana bahagian-nya dapat menjadi chontoh bagi seluroh masa perkembangan Islam di-Brunei dan boleh menjadi bahan pengkajian yang banyak dan mustahak bagi jenarasi yang akan datang. Pameran ini ada-lah hasil usaha yang gigeh jenarasi yang dahulu dan yang ada. Ia meminta pula kapada jenarasi yang akan menyambong chontoh yang sa-rupa.

Pameran Perkembangan Ugama Islam di-Brunei ini ada-lah di-usahakan oleh Muzium Brunei dengan di-pimpin dan di-ungkayahkan sendiri dengan penoh dedikasi oleh Pengarah-nya Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Sharifuddin bin Pengiran Metali dengan bantuan yang rapat dan kerjasama dari beberapa buah jabatan kerajaan serta pegawai2-nya, alhamdulillah dengan ada-nya kerjasama yang sedemikian, maka pameran ini dapat-lah di-hidangkan kapada masharakat untok di-lihat dan di-kaji serta semoga ia akan menimbulkan kesedaran dan semangat yang berkubar-kubar terhadap keagongan Ugama Islam di-bumi Brunei Darussalam ini sejak zaman berzaman dan keagongan itu akan terus di-junjong dan di-pelihara oleh jenarasi yang ada sekarang ini dan juga jenarasi yang akan datang.

Ampun beribu ampun,

Majlis ini juga ada-lah di-maksudkan sa-bagai menandakan perasmian Sambutan Awal Tahun Hijrah 1400 ia-itu awal kurun yang ke-15 yang mana ranchangan2 berhubong dengan sambutan tersebut telah di-atur di-ke-empat2 daerah di-negeri ini dalam berbagai-bagai bidang termasok-lah pembukaan2 masjid, majlis2 khatamal Kor'an, cheramah2 dan sharahan2 ugama dan lain2 achara lagi yang semua-nya ada-lah di-tumpukan pada menyamarakkan lagi shi'ar Ugama Islam di-Negeri Brunei Darussalam ini, semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati segala usaha2 yang telah di-ranchang oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Tahun Hijrah 1400 dan segala usaha yang di-churahkan oleh semua jawatankuasa dalam semua peringkat samata2 kerana Allah jua.

Ampun beribu ampun,

Sekian-lah yang dapat hamba Duli Tuan Patek sembahkan mengenai dengan pameran ini. Sa-belum mengakhiri sembah alu-aluan ini hamba Duli Tuan Patek banyak2 menjunjong kaseh dan menjunjong ampun dan maaf jikalau dalam majlis dan pameran ini terdapat apa2 jua kekhilafan yang tiada di-senghajakan.

Akhir-nya hamba Duli Tuan Patek menjunjong untok menyembahkan uchapan terima kaseh dan penghargaan kapada tetamu dan jemputan2 pada hari ini dan khas-nya menjunjong kaseh kehadapan majlis: Paduka ayahanda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin kerana sudi berangkat untok bersama-sama abis Hamba Duli Tuan Patek menyaksikan pameran ini; Paduka Adinda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah; Paduka Adinda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; Paduka Adinda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; Ayahanda Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Walmashuarah Pengiran Muda Haji Mohd 'Alam ibni Almarhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Tuan Patek.

Yang Amat Berhormat Mentri Besar; Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria; Ahli2 Yang Berhormat, Pengiran2 dan akhir-nya kapada ahli2 jawatankuasa pameran dan pehak2 lain dari jabatan kerajaan dan orang perseorangan yang telah bertungkus-lumus bekerja sa-panjang dua-tiga bulan untok menyiapkan pameran ini.

Mudah-mudahan Allah mengorniakan ganjaran yang baik dan rahmat kapada semua yang berkenaan, amin

## Pameran Buku2 Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka di-ibu negeri sedang mempamerkan Buku2 Islam dan Perkembangan-nya sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400 bertempat di-Bilek Perpustakaan berkenaan yang telah bermula sejak hari Sabtu 24hb Nobember yang baru lalu.

Illustrasi buku2 yang di-pamerkan kini di-buka untok tuntonan orang ramai hingga hari Khamis 20hb Disember ini.

Sa-banyak 60 buah buku yang berchorak keugamaan, saperti sejarah kedatangan ugama Islam dan tokoh2 Islam telah di-pamerkan di-dalam kedua2 bahasa ia-itu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

# PIALA LION CITY:

# BRUNEI DI-JANGKA MEMBERI TENTANGAN HEBAT DALAM PERTANDINGAN BOLASEPAK 16 TAHUN KA-BAWAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Brunei yang akan menyertai pertandingan Piala Lion City di-Singapura, Ahad 9hb Disember ini di-jangka akan memberikan tentangan hebat dalam pertandingan tersebut di-mana pasokan negeri kita akan bertemu dengan Pasokan Malaysia dalam Kumpolan (B).

BELIA DAN SOKAN

Brunei menghantar satu pasokan sahaja dalam pertandingan itu bahagian Kumpolan (B). Pertandingan Piala Lion City ini dianjorkan oleh Persatuan Bolasepak Singapura bagi kali ketiga. Dan Brunei menyertai pertandingan ini ada-lah kali kedua. Ada-lah juga di-fahamkan pertandingan Piala Lion City kali ini telah berubah chorak menjadikan-nya pertandingan antarabangsa di-mana negara2 Asia mengambil bahagian; berbanding dengan pertandingan serupa pada dua tahun lalu hanya perengkat kebangsaan iaitu di-antara negeri2 Malaysia, Singapura dan termasok Brunei.

Harapan pemain2 bolasepak Brunei ka-pertandingan Piala Lion City itu ada-lah cherah memandangkan pemilehan2, latehan intinsif, latehan pusat serta kemudahan2 yang telah disediakan oleh Kerajaan, melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani, Brunei.

Sa-ramai 17 orang pemain bolasepak yang terdiri dari murid2 Sekolah di-bawah umor 16 tahun telah di-pileh, ia-itu di-antaranya terdapat 7 orang pemain bolasepak lama yang pernah menyertai pertandingan itu tahun lalu sementara 10 orang lagi ia-lah muka2 baru; yang di-jangka akan memberi nafas serta azam pemain2 dari Brunei.

Pertandingan sa-paroh akhir Piala Lion City ini dijadualkan pada 20hb Disember, sementara pertandingan akhir pada 22hb Disember ini. Dan Pasokan Brunei akan bertemu dengan kesebelasan Pasokan Malaysia (B) pada 9hb Disember.

Pasokan tuan rumah (Singapura) di-jangka akan menurunkan dua pasokan, ia-itu (A) dan (B) dan demikian juga Malaysia menghantar dua pasokan.

Ada-lah juga di-fahamkan Pasokan Malaysia (A) di-jadualkan bertemu dengan Pasokan Australia dalam pertandingan pembukaan itu, sementara dalam pertandingan pembukaan bagi Kumpolan (B), Malaysia akan bertemu dengan Pasokan Singapura (A).

Pasokan Brunei yang dimaksudkan itu telah menjalani latehan2 pusat di-bawah kelolaan Jurulateh Kebangsaan Awang Duncan McDowell dan di-bantu oleh Che'gu Awang Haji Abdul Wahid Tungkat, sejak bulan Nobember lalu.

Pasokan Brunei akan berangkat menuju Singapura pada hari Jumaat 7hb Disember dan akan kembali ka-tanah ayer pada 24hb Disember ini nanti. Ia-nya di-ketui oleh Awg Mohd Noor Abdullah yang juga sa-laku Pengawas Pasokan Brunei.

### AMAT MENGGALAKAN

Ketika di-tanya sa-jauh mana kemampuan atau kekuatan Pasokan Brunei yang akan menyertai pertandingan bolasepak Piala Lion City itu nanti, Pengawas Pasokan, Awang Mohd Noor Abdullah, antara lain menyatakan bahawa penyertaan Brunei dalam Piala Lion City tahun ini amat-lah besar erti-nya dan menggalakkan kapada kita. Kerana chorak pertandingan kali ini ada-lah antarabangsa, dan ia-nya juga untok mendedahkan dan memberikan peluang seluas2-nya kapada pemain2 bolasepak Negeri Brunei bertanding ka-perengkat antarabangsa itu.

Ini, tambah Awg Mohd Noor Abdullah, ada-lah merupakan kali pertama pemain2 bolasepak berumor 16 tahun ka-bawah menyertai pertandingan antarabangsa; walau pun pada tahun lepas kita menyertai pertandingan serupa ini akan tetapi ia-nya berchorak perengkat kebangsaan sahaja antara negeri2 di-Malaysia, Singapura dan Brunei sendiri.

Jadi, tentu-lah pertandingan pada kali ini bagi tiap2 negara yang di-undang menyertai pertandingan Piala Lion City itu mempunyai kekuatan-nya masing2. Dan bagi Pasokan kita Brunei, tidak-lah juga tertinggal untok membuat persiapan2 bagi menghadapi pertandingan itu, jelas Awang Mohd Noor lagi.

"Saya perchaya, Pasokan Brunei kita akan dapat memberi tentangan yang hebat kapada pasokan2 yang menyertai pertandingan Lion City itu, dalam Kumpolan (B) terutama pasokan2 yang handal saperti: Malaysia, Indonesia, Thailand, Hong Kong, Singapura dan Saudi Arabia", kata Awang Mohd Noor Abdullah ketika mengakhiri kenyataan-nya itu sa-belum meninggalkan Brunei.

### HARAPAN CHERAH

Salah sa-orang peminat bolasepak di-sini, ketika kita temui untok mendapatkan pandangan2-nya terhadap pasokan Brunei yang akan menyertai Piala Lion City itu juga menyatakan harapan-nya yang Pasokan kita Brunei itu mempunyai harapan cherah di-pertandingan itu nanti memandangkan kemudahan2 latehan pusat dan latehan2 intinsif yang telah di-sediakan oleh Kerajaan. Langkah2 yang telah di-ambil oleh Kerajaan itu juga amat menggalakkan kapada pemain2 bolasepak muda di-negeri ini, tambah-nya.

Beliau juga memuji tentang harapan cherah pemain2 bolasepak di-negeri ini pada masa akan datang, sekira-nya langkah2 seumpama itu di-teruskan dengan tidak jemu2nya, terutama pehak yang berkuasa, pemain dan juga peminat2 bolasepak di-negeri ini harus memberikan galakkan kapada pemuda2 yang berbakat dalam lapangan permainan bolasepak itu.

"Kita berdo'a serta merestui sa-tiap langkah yang berkebajikan yang telah di-sediakan oleh Kerajaan bagi menyediakan kemudahan2 kapada pemain2 bolasepak di-negeri ini untok meninggikan taraf pemain bolasepak Brunei di-perengkat antarabangsa khusus-nya di-lapangan permainan bolasepak dan 'am-nya di-bidang olahraga lain-nya.

"Pemergian Pasokan Brunei ka-pertandingan Piala Lion City itu juga kita sama2 iringi dengan do'a semoga mereka itu akan mendapat kejayaan atau sekurang2-nya akan dapat menunjokkan keperibadian nama Negeri Brunei di-muka antarabangsa", jelas-nya dengan penoh harapan





GAMBAR atas ia-lah pemain bolasepak serta pegawai2, sajurus sa-belum berangkat ka-Kota Kinabalu, minggu lalu, untok menyertai Piala Borneo di-situ. Turut menguchapkan selamat berangkat ia-lah Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain dan Yang Dipertua Persatuan Bolasepak Brunei, YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

Dalam perlawanan pembukaan pada hari Jumaat, pasokan Brunei telah mengalahkan Pasokan Sarawak dengan satu gol tidak berbalas.

Dalam perlawanan antara pasokan Sabah dan Sarawak pada hari Sabtu, pasokan Sabah menewaskan pasokan Sarawak dengan 3 gol berbalas 2.



GAMBAR paling atas memperlihatkan Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pg Haji Rajid, ketika menyampaikan uchapan dan seterus-nya merasmikan Sokan Tahunan Pasokan Pulis Diraja Brunei. Sementara gambar2 atas dan bawah menunjokkan achara lompat pagar wanita dan lelaki. Sokan tersebut di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, di-Ibu Pejabat Pulis, Jalan Gadong.



# KETETAPAN HARGA KERETA DATSUN

UNTOK panduan dan ma'aloman orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga baru2 ini telah bersetuju menurunkan harga2 kereta di-Sharikat Boustead Trading (S) Pte. Ltd., yang berjual kereta jenis Datsun dengan susunan harga2 saperti berikut di-bawah ini :—

| JENIS KERETA (Type of Cars) | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) | |
|---|---|---|---|---|
| | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) | LAMA (*Old*) | BARU (*New*) |
| DATSUN 120Y 4-DOORS STANDARD Model : B310SUDW Disc brake, reclining seat, sun-visors, heater, front seat belts | $ 9,345.00 | $ 8,900.00 | $ 9,704.00 | $ 9,242.00 |
| DATSUN 120Y 4-DOORS DELUXE. Model : B310UD Disc brake, steering lock, radio, clock, floor carpet, trunk opener, heater and front seat belts | $10,015.00 | $ 9,545.00 | $10,374.00 | $ 9,904.00 |
| DATSUN 120Y 4-DOORS GL. Model : B310UCG GL Spec., air-condition, radial tyres, rear defroster, front and rear seat belts, radio | $11,420.00 | $10,835.00 | $11,796.00 | $11,211.00 |
| DATSUN 140Y COUPE Model : KHB 310UCG GL. Spec., radial tyres, rear defroster, front and rear seat belt, radio and heater | $11,720.00 | $11,175.00 | $12,153.00 | $11,588.00 |
| DATSUN 140Y STATION WAGON Model : WHB 310UCG Air-condition, clock headrest (front), safety belts (front) radio and cassette car stereo | $12,650.00 | $12,080.00 | $13,101.00 | $12,513.00 |
| DATSUN 160B DELUXE Model : J 810TUD Disc brake, front safety belts, package tray, clock, radio, carpet, heater, rear defroster and headrest | $11,700.00 | $11,140.00 | $12,121.00 | $11,525.00 |
| DATSUN 180B DELUXE Model : PJ 810TUWI Radio, cigarette lighter, head-rest, safety belts, clock, air-blower, rear defroster, carpets | $11,960.00 | $11,395.00 | $12,386.00 | $11,803.00 |
| DATSUN 180B DELUXE Model : PJ 810 TUCWI Air-condition, radio and cassette car stereo, cigarette lighter, headrest, safety belts, clock, rear defroster, carpets | $13,420.00 | $12,760.00 | $13,863.00 | $13.203.00 |
| DATSUN 180B HARD TOP SSS Model : KP 810GFKU Radio, cigarette lighter, head-rest, safety belts, clock, air-blower, rear defroster, carpets | $14,400.00 | $13,700.00 | $14,899.00 | $14,199.00 |
| DATSUN 180SX HATCHBACK 5 SPEEDS Model : KHS110FEUCL Air-condition, radio, stereo cassette, rear electric defogger, carpets, radial tyres and safety belts | — | $15,300.00 | — | $15,818.00 |
| DATSUN 200L Model : KUC 230 VUC Radio, air-condition, cassette, car stereo, headrest, safety belts, cigarette lighter, rear defroster, carpets, trunk opener and oil cap opener | $16,110.00 | $15,360.00 | $16,591.00 | $15,585.00 |
| DATSUN 240L SALOON Model : KMC230JFUCH Air-condition, radio/cassette, front headrest, clock and safety belts | $18,170.00 | $17,250.00 | $18,729.00 | $17,792.00 |
| DATSUN 280C SALOON Model : P430VU15 Air-condition, power steering, power window, automatic door lock, radio, stereo cassette, carpets, front and back safety belts | — | $20,764.00 | — | $21,548.00 |
| DATSUN 280C STATION WAGON Model : WP 430VU15 Air-condition, power steering, power window, automatic door lock, radio, stereo cassette, carpets, front and back safety belts | — | $20,550.00 | — | $21,403.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual2 harga kereta yang telah di-persetujui yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga2 kereta yang di-tunjokkan di-setiap buah kereta yang ada di-bilek pameran (show-room) tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak yang berkuasa Pengawal Harga ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melapor-kan kapada pehak yang berkenaan, talipon nombor 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen penjual kereta yang telah menyalah gunakan jadual harga2 kereta yang telah di-tetapkan itu.

# Penuntut2 mendapat markah tertinggi akan di-beri hadiah

BANDAR SERI BEGAWAN. —Jawatankuasa Kechil Hadiah Murid2 Sekolah Ugama Perayaan menyambut Kedatangan Tahun Hijrah 1400 akan mengadakan satu sekim pemberian hadiah kapada penuntut2 yang mempelajari mata-pelajaran Ugama Islam ia-itu penuntut2 yang mendapat markah tertinggi bagi mata-pelajaran tersebut dalam pepereksaan2 yang di-khaskan.

Penuntut2 yang akan di-berikan hadiah itu nanti ia-lah Penuntut2 yang mengambil Kursus/Pepereksaan Bersijil Ugama Penoh yang terdiri daripada :—

a. Tahun I, II dan III di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan;

b. Sijil Pelajaran Ugama;

c. Sijil Ugama (Darjah VI);

d. Pepereksaan Darjah V Sekolah Ugama.

Peserta2 Kursus Takhasus Ugama (Kursus Fiqah) di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Penuntut2 yang mengambil pepereksaan mata-pelajaran Ugama Islam sa-bagai satu mata-pelajaran sahaja :

a. Tahun I, II dan III di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong dan juga di-Pusat Tingkatan Enam;

b. Sijil Pelajaran Brunei Cambridge (BGCE) Perengkat Biasa;

c. Sijil Pelajaran Singapura (SPS) Perengkat Biasa;

d. Sijil Rendah Pelajaran Brunei (Aliran Melayu dan Inggeris);

e. Pusat Latehan Pertanian dan

f. Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah dan Pertukangan Bahagian Bangunan Saiful Rizal.

Pemberian hadiah2 ini akan di-berikan pada tiap2 tahun, tetapi tidak-lah teristemewa sa-bagaimana pada tahun ini.

# Kenaikan pangkat pegawai2 Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan mengumomkan kenaikan pangkat bagi lapan orang pegawai yang berkhidmat di-beberapa buah jabatan.

Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan, Dr (Mrs) P. Durayappah Parames telah di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan ia-itu jawatan dalam Bahagian Satu. Kenaikan pangkat bagi Dr (Mrs) Durayappah itu bermula dari 1hb Oktober, 1979.

Awang Haji Md Hassan bin Sunggoh, Penolong Pegawai Pepereksaan di-Jabatan Lembaga Pepereksaan di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Pepereksaan ia-itu jawatan dalam Bahagian II di-jabatan yang sama mulai 1hb Ogos, 1979.

Awang Muhammad bin Abd Latif, Pengarang Kanan, Dewan Bahasa dan Pustaka di-naikkan pangkat menjadi Ketua Pengarang — jawatan dalam Bahagian II di-jabatan yang sama.

Sa-orang lagi pegawai di-jabatan itu, Awang Haji Muslim bin Haji Burut di-naikkan pangkat menjadi Pengarang Kanan. Kenaikan pangkat bagi kedua2 orang pegawai itu bermula pada 1hb Nobember, 1979.

Awang Muhammad bin Hj Mayassin/Haji Mohd Yassin, Penolong Penyusun Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran di-naikkan pangkat menjadi Penolong Kanan Penyusun Latehan Kesenian mulai 1hb Nobember, 1979. Jawatan tersebut ada-lah dalam Bahagian II.

Tiga orang pegawai dari Jabatan Radio Talivishen Brunei —dua orang Penolong Penyunting dan sa-orang penterjemah telah di-naikkan pangkat menjadi Penyunting. Mereka ia-lah Awang Johari bin Awg Achee, Awang Lai Mun Tat dan Awg Md Yusof bin Abd Hamid. Kenaikan pangkat bagi ketiga2 orang pegawai itu bermula dari 1hb Nobember, 1979.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 29hb Nobember, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. PUSU KERING — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Ghee Guan,
   No. 4, Jalan Chevalier.
2. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier,
   b) Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94, Jalan Chevalier.
   c) Ghee Guan,
   No. 4, Jalan Chevalier.
3. KACHANG KUDA — $1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT :**

1. PUSU KERING — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   S. S. Sa'adiah,
   No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.
2. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty,
   b) Ng Ming Hong,
   No. 101, Jalan McKerron
3. KACHANG KUDA — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Teo Hiang Hng,
   No. 45, Jalan Pretty.
   b) S. S. Sa'adiah,
   No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.

**SERIA :**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Chop Kim Huat,
   No. 53, Jalan Bunga Kuning,
2. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Choo Heng & Company,
   No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Yick Fatt,
   Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KACHANG KUDA — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Haji C. A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 5hb hingga 11hb Dis 1979.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 5.12.1979 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 5.12.1979 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 5.12.1979 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 8.12.1979 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 8.12.1979 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 8.12.1979 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 10.12.1979 | Isnin | 2.00– 3.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 10.12.1979 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 11.12.1979 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 11.12.1979 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PELAJARAN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sa-banding dengan-nya.

b) Mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam Penyelanggaraan Setor Kejuteraan atau penyimpanan berbagai barang2 kiriman letrik atau bangunan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 2 EB.3-4—$446-465-485-504-523-542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931 - 956 - 982-1007.

2. PEMBANTU TEKNIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mesti-lah tamat sesuatu kursus Sekolah Teknikal. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai Sijil City and Guilds dalam matapelajaran yang berkenaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-456-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

3. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai sedikit sa-banyak pengalaman dalam kerja2 penjagaan setor.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472 - 485 - 497 - 510-523-536-548-561 - 574 - 587 - 599.

4. STEWARD:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sebanding dengan-nya. Hendak-lah sebaik2-nya boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.3 EB.4 —$459-472-485-497-510-523/EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Januari, 1979. (E/59/73 — Bil: 181/1979)

## Sa-bagai Jurutrengkas Inggeris

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jurutrengkas Inggeris di-dalam Perkhidmatan Kerajaan.

**Kelayakan2 :**

Menchatet trengkas 80 psm dan menaip 40 psm dan lulus SAP/Sijil Persekolahan Cambridge dengan mendapat kelulusan 'O' Level/Credit dalam sekurang2-nya 3 matapelajaran termasok Bahasa Inggeris.

**'AM :**

Chalon2 di-kehendaki menjalani ujian kepentasan Trengkas dan Menaip.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — $625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Januari, 1980.

(E/261/54/Pt. II — Bil: 182/1979)


## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi: —

1) KATEGORI 4 — TAWARAN No. ECO/150-79
Memberseh dan mendalamkan semula parit2.
2) KATEGORI 18—TAWARAN No. PSV/152-79
Mengadakan perkhidmatan menguruskan makan di-CPAP/7 di-bawah bidang kuasa Penguasa Penghasilan.
3) KATEGORI 18—TAWARAN No. PSV/153-79
Mengadakan perkhidmatan menguruskan makan di-PACIFIC MERANTI di-bawah bidang kuasa ECO
4) KATEGORI 23—TAWARAN No. LOS/160-79
Memutong rumput (dalam kawasan berbatu dilikir atau tidak batu kelikir di-BLNG menchabut rumput/menyembor ubat dalam kawasan BLNG dan ini termasok-lah station tempat metering gas.
5) KATEGORI 23—TAWARAN No. LOS/161-79
Menerangkan jalan-ayer di-longkang besar, tambak konkret dan di-bawah jambatan2 kayu. Memutong rumput di-bawah saloran ayer dan di-luar pagar keliling BLNG.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for:—

1) CAT 4 — TENDER No. ECO/150-79
Cleaning and regrading of ditches.
2) CAT 18 — TENDER No. PSV/152-79
Catering Services on CPAP-7 under the jurisdiction of Production Superintendent.
3) CAT 18 — TENDER No. PSV/153-79
Catering Services on PACIFIC MERANTI under the jurisdiction of Construction Superintendent (ECO).
4) CAT 23 — TENDER No. LOS/160-79
Grass cutting (with BLNG — gravelled and ungravelled areas); weed pulling/herbicide spraying within BLNG, including gas metering station.
5) CAT 23 — TENDER No. LOS/161-79
Clearing for waterways in the "main drain", "concrete causeways" and beneath the "wooden bridges". Grass cutting beneath the "water pipeline" and the "perimeter fence" outside BLNG.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notices.


### PWD TENDER NOTICE

No. 184 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 18th December, 1979 for :—

PROPOSED EXTENSION TO RELIGIOUS SCHOOL (CONVERSION OF OPEN PLATFORM INTO HALL AND 6 CLASSROOMS) AT KAMPONG AYER LURONG DALAM, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon Saturday, 15th December, 1979 for:—

"LAYING OF 4" O PVC CABLE DUCT AND BUILDING OF MANHOLES AT SHOPPING COMPLEX MILE 1¼, KAMPONG PARIT, JALAN TUTONG".

Tender documents and all particulars may be obtained from the Office of Director of Telecommunications at Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan on payment of $50.00 deposit.

## KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH

No. TEMB/14/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Serudin bin Pungut, Jabatan Keselamatan dan Perisek, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pungut bin Puak yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

No. TEMB/15/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ramlee bin Ahmad, Kam-Bokok, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Saniah bte Matzin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

No. TEMB/16/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Omar bin Lakim, Kampong Meniup, Temburong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Tainon bte Md Zin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

No. 125/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pengiran Md Ya'akub bin Pg. Hashim, No. 5, Kampong Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Damit binte Abdullah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

No. 127/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ak Hidup bin Pg Tuah, No. 5, Kampong Bakut Siraja Muda 'A', Kampong Ayer, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Tuah bin Pg Abu Bakar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

No. 129/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Hidup bin Umar, No. 17, Kampong Batu Ampar, Pengkalan Batu, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Midah bte Tahir yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

No. 130/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Morin Tay, d/a M/s Bikram & Co., No. 144 (2nd Floor) Jalan Chevalier, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Fong Lee Moi yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Malaysia dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

No. 131/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hashim bin Haji Hassan, No. 24, Kampong Lambak, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Hassan bin Jamin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

No. 132/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ak. Razali bin Pg Mohd Said, Radio Talivishen, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Pg Md Said @ Pg Said bin Pg Damit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

No. 133/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Minah bte Besar, No. 1, Kampong Pulau Baru2, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abdullah bin Jambol yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

No. 134/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Latif bin Haji Hitam, Kampong Sengkurong, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Rosnah bte Abdul Wahid yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

No. 135/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lamiah bin Haji Tupap, No. 76, Kampong Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Tupap @ Haji Tupap bin Pillah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Mekah dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

No. 136/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ibrahim bin Haji Kassim, No. 17, Kampong Lupak Luas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Kassim bin Tengah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

No. 137/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Napiah bte Daud, No. 60, Kampong Anggerek Desa, Berakas, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abu Bakar bin Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

No. 138/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Salamah bte Serudin, No. 3, Kampong Pad Nunok, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Masri bin Bungsu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

No. 139/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hamzah bin Haji Ja'afar, No. 32, Kampong Ujong Tanjong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mariam bte Abdul Rahman @ Duraman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

No. 140/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Chua Guan Poon, d/a Kampong Subok, Peti Surat 1260, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lee Hok yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Penagih kapada si-mati.

No. 141/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Taim bin Garif @ Garib, No. 53, Kampong Tanah Jambu, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Salleh bin Lias yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak saudara kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, Brunei pada 8 haribulan Disember, 1979 pada jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Brunei.

Bertarikh 26 haribulan Nobember, 1979.

### TENDER NOTICE

**ELECTRICAL AND AIR CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED 2(TWO) NOS, CLASSROOM EDUCATION CENTRE — BOLKIAH CAMP, B.S.B., BRUNEI FOR ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.**

REGISTERED Class "B" Contractor and above registered with Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical and Air-Conditioning Installation to proposed 2 (Two) nos. Classroom Education Centre — Bolkiah Camp, B.S.B., Brunei for Royal Brunei Malay Regiment.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 5th December, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 18th December, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: —TENDER FOR ELECTRICAL AND AIR-CONDITIONING INSTALLATION TO PROPOSED 2(TWO) NOS. CLASSROOM EDUCATION CENTRE—BOLKIAH CAMP, B.S.B., BRUNEI FOR ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

Our client, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN LAUT, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

1. TUKANG KAYU TINGKAT II

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 22 tahun dengan mempunyai pengalaman praktikal sa-lama lima tahun sa-bagai Tukang Kayu Perahu.

b) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau pun yang sebanding dengan-nya, tetapi kelulusan yang rendah akan di-terima bagi pegawai2 yang lebeh tua dalam perkhidmatan Kerajaan.

c) Pemohon2 mesti-lah boleh :—

i) Menyediakan lukisan2 kerja bagi membuat dan membaiki perahu motor sangkut, kerosakan2 tamuai dan kapal2 penumpang kechil yang pechah.

ii) Menyediakan anggaran bagi kayu, bahan2 dan alat2 yang di-perlukan di-atas.

d) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai jenis2 kayu, alat2 dan benda2 untok ikat mengikat yang bukan di-buat dari besi yang di-gunakan dalam membena kapal2 kechil dan perahu2 bagi di-gunakan di-perayeran Brunei.

e) Pemohon2 hendak-lah chekap dalam menjalankan dan menggunakan perkakas2 berkuasa letrik.

f) Chalon2 akan di-berikan ujian pertukangan untok menilai kebolehan sa-bagai sa-orang Tukang Kayu Perahu.

g) Chalon yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas di-mana2 bahagian di-negeri ini.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

2. FITAR TINGKAT II

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman praktikal bekerja sa-bagai fitar mekanik atau fitar kejuruteraan laut.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan kejuruteraan laut dan chara2 menggunakan-nya.

c) Pemohon2 mesti-lah tahu menggunakan perkakas2 dan lain2 alat kejuruteraan yang di-gunakan di-dalam sa-sebuah workshop kejuruteraan.

Chalon2 akan di-kehendaki menjalani satu Ujian Pertukangan untok menentukan kechekapan mereka sa-bagai Fitar Kejuruteraan. Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bertugas di-mana saja di-dalam negeri.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Januari, 1980.

(E/1824/76 — Bil: 179/1979)

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Construction of administration block, etc at Mile 2, Jalan Berakas for Municipal Department — Puja Const Co — $1,690,558 — 15 months.

2 Repair works for MMPSBS, Jalan Muara — Aw Hj Talib bin Abd Rahman — $18,100 — 45 days.

3 Construction of access road to Civic Centre, Bangar — Puni Quarry — $89,120.

4 Extension, alteration and renovation of Health Clinic at Kg Lurong Dalam — Wong Siew Sing — $136,000 — 180 days.

5 Supply of 2 units refrigerated vehicles to Ports Department — Econ Motor — $204,460 — 6-7 months.

6 Supply and delivery of crusher-run stones to Jalan Tutong up to Istana junction — Temburong Quarry — $20.30 per cu yd.

7 Supply of 6,000 ru yd crusher-run stones for access roads at proposed Kg Mata-Mata Resettlement area, off Jalan Gadong — Tumasek Gen Cont — $19.80 per cu yd.

8 Cable laying — Mumong Exchange to KB Exchange Contract No 3/79 — Hj Chuchu & Anak2.

9 Supply of furniture to RBMR — Fashion Furniture — $5,180 — 2 months.

10 Construction of 3 blocks of four storey class 'E' flats of 12 units each at Istana Darul Hana — Perusahaan Nahrizam — $3,041,495.

11 Supply of public address system for Lapau — O'Connor's Ltd — $78,484 — 16/20 weeks.

---

1 Diversion of flows into new sewage treatment works, Sixth Form Centre — Chung Hing Cont Co — $24,406.25 — 6 weeks.

2 Proposed extension to Marine Fire Station at Sg Lampai — Teo Kok Seh Const Co — $23,790 — 6 weeks.

3 Supply of 10 units air compressor 18cfm — Lian Heng Ltd — $48,880 — 8 weeks.

4 Supply of 4 units pick-up trucks 1-1½ ton — Goh Hock Kee Motor — $67,160.

5 Management of KB Rest House — Han Ik Guan.

6 Disposal of night soil — Hj Ramli Jamaludin — $4,360 per month.

7 Construction of Phase V, 5 blocks Class 'F' junior flats Nos. 26-30, Old Airport Road — Wong Hee Kee & Co — $1,578,720 — 12 months.

8 Proposed pipe band block for RBMR Camp, Tutong — Wong Hee Kee & Co — $1,703,982.93.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from registered Air-Conditioning Class B Contractors and above by the Chairman of The Tenders Boards, at office of The State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up until noon on Tuesday 18th December 1979 for:

ARMY WORK SERIA — AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR JRC.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders will be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.

4. The cover must be addressed to The Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:

ARMY WORK SERIA — AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR JRC.

5. Tenders Documents may be obtained from the offices of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, from Wednesday 28th November, 1979, during normal working hours.

6. The tender deposit will be $500.00 in the form of a bank draft, made out in favour of the Brunei Government, and will be refunded to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.

7. Tenders shall be submitted on the from provided with the tender documents.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JABATAN TALIKOM NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa untok penambahan pagar2 keselamatan di-Steshen Satelite Bumi Telisai. Butir2 lanjut boleh di-perolehi dari pejabat Pengarah Talikom, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan Brunei.

Tawaran2 hendak-lah di-hantar ka-Pusat Lembaga Tawaran, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan tidak lewat daripada pukol 12.00 tengah hari pada 8hb. Disember 1979.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE

BIDS are invited for the extension of the security fencing at the Telisai Earth Station. Details can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

Bids must be submitted to the Central Tenders Board, 1st Floor, Government Offices, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan, to arrive not later than 12.00 noon on December 8th.

## Sa-bagai Pelayan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sa-banding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F1-2-3-4-5 EB. 6 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376-383-389-395-402-408-414 - 427-440 /EB/453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb Januari, 1980.

(E/859/61/Pt. III — Bil: 183/1979).

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following Fire Equipments to Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp.

"MERRYWEATHER"

| | |
|---|---|
| Fire Hose Reels complete with 100′ or 120′ Fire Hose | Qty 15 |
| Stop Valve ¼″ for Fire Hose | Qty 15 |

The tender should state price and delivery time.

Tenders are to be submitted to the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, by 4.00 p.m. 8th December 1979. All tenders are to be submitted in a plain sealed envelope and should be endorse "ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT FIRE EQUIPMENT".

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE BRUNEI

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for :—

PROVISION OF CATERING AND DOMESTIC SERVICES TO THE SINAUT AGRICULTURAL TRAINING CENTRE, MILE 21, JALAN TUTONG BRUNEI FOR 1980.

2. Specifications may be obtained from and facilities viewed by contacting the Principal, Sinaut Agricultural Training Centre.

3. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope clearly marked :—

"TENDER FOR SATC CATERING — DEPT. OF AGRICULTURE"

and shall be addressed to and delivered to the office of :—

The Chairman,<br>
Tenders Board,<br>
State Financial Office,<br>
Secretariat Building,<br>
Bandar Seri Begawan,<br>
Brunei.

not later than 12.00 noon on Monday, 31st December, 1979

4. Tenders received after this time will be rejected.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT

### TENDER NOTICE No. 4/1979

SUPPLYING OF FIRE BOOTS SHOES AND OTHER STORES

1. TENDERS will be received by Chairman, Tenders Board, at the Office of the State Financial Officers, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 4.00 p.m. on Thursday 20th. December, 1979 for the supply of Fire Boots, Shoes and other Stores as follows :—

a. Boots Firemen Safety Leather top moulded sole 14" high approximately 200 pairs
price .................. per pair.

b. Safety Shoes Black Moulded Oil Resistant approximately 400 pairs
price .................. per pair.

c. Shoes Rubber White approximately 400 pairs
price .................. per pair.

d. Socks white, W/stripped colour approximately 400 pairs
price .................. per pair.

e. Short pant white u/wear approximately 400 pairs
price .................. per pair.

f. Singlet (Vast Cotton White) round neck approximately 800 nos.
price .................. per no.

2. Details of the above items and specifications should state clearly the make and brand of each item

3. Tenderer should send a sample of each item to the Fire Brigade Department Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. Tenders must be placed in plain sealed envelope and "Supplying Fire Boots, Shoes and other stores. The name of the tenderer must not appear on the envelope.

5. Tenders received after the abovementioned time will be rejected.

6. The cover must be addressed to the Chairman Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

7. The lowest or any tenders will not necessarily be accepted.

## ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

### SERIAL No. 57(AC)79 AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Grade A and B air conditioning contractors up until 12.00 noon Tuesday 11th December, 1979 for the :—

AIR CONDITIONING INSTALLATION FOR TELEPHONE EXCHANGE, TUTONG AND MUARA

2. Tender received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, Telephone Exchange, Tutong and Muara'.

4. The Form of Tender including specification, drawings details and Schedule of Plant can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5 The tender deposit is $200.00 which will be refunded in respect of all unsuccessful tenders.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 65(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' & 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 18th December, 1979 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3 BLOCKS 12 UNITS FLATS AT ISTANA DARUL HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3 BLOCK 12 UNITS FLATS AT ISTANA DARUL HANA, BANDAR SERI BEGAWAN".

Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### Tender No. 66(IW)/1979

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 18th December, 1979 for the following :—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXISTING FISHERIES FIELD STATION PHASE II

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXISTING FISHERIES FIELD STATION, PHASE II"

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

# EXPO DAN SEMINAR PENDIDEKAN ANJORAN MPSHB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena dengan Tahun Antarabangsa Kanak-Kanak Sa-Dunia, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong akan menganjorkan Expo dan Seminar Pendidekan yang akan di-adakan di-dewan Maktab tersebut mulai pada hari Ahad 9hb Disember ini.

Expo yang mengandongi pameran yang berupa pertunjokan alat2 mengajar dan juga lain2 pertunjokan oleh berbagai-bagai Jabatan Pengajian di-maktab berkenaan di-jangka akan di-rasmikan oleh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Hj Ibrahim.

Tujuan di-adakan Expo itu ia-lah untok mendampingkan masharakat kapada maktab supaya dengan itu mereka akan mendapat gambaran yang jelas mengenai masaalah2 yang di-hadapi oleh pehak maktab di-samping memberikan mereka satu pengetahuan tentang peranan maktab kapada perkembangan dan kemajuan negara.

Pelita juga telah di-fahamkan bahawa expo tersebut di-jangka akan di-teruskan buat beberapa hari tetapi walau bagaimana pun ini tertaalok-lah kapada sambutan orang ramai khas-nya penuntut2 sekolah.

Sementara itu pada ke-esokan hari-nya, 10hb Disember satu Seminar Pendidekan akan di-rasmikan oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Seminar tersebut akan di-hadhiri oleh penuntut2 dari Sekolah2 menengah dan Maktab2 dan guru2 di-seluroh negeri. Sa-banyak tiga kertas kerja akan di-binchangkan dalam seminar tersebut yang mana pencheramah2-nya terdiri daripada Penguasa Pelajaran Menengah, Awang Alihasim bin Haji Daud, Pemangku Ketua Yunit Peranchang Kajian dan Bimbingan Jabatan Pelajaran dan Timbalan Pengetua maktab tersebut, Awang Abd Ghani bin Bujang.

Untok memeriahkan lagi hari tersebut orang ramai terutama sekali mereka2 yang berkenaan, guru2 dan penuntut2 ada-lah di-jemput untok sama-sama ka-expo dan seminar pendidekan itu.



LEBEH sa-ribu orang umat Islam yang terdiri dari pegawai2 dan kaki-tangan jabatan2 Kerajaan, penuntut2 sekolah dan maktab2, pertubohan2 belia dan kebajikan serta pekerja2 sharikat2 persendirian Daerah Belait pada pagi Ahad, 2hb Disember yang baru lalu telah mengadakan perhimpunan dan perarakan mengelilingi Pekan Belait sempena merayakan sambutan tahun baru Hijrah 1400.

Perhimpunan tersebut yang di-langsongkan di-Padang KB-RC Pekan Belait telah di-sertai dengan keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, (gambar atas) Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria dan pegawai2 kanan kerajaan.

Menyerikan perhimpunan-ter-masok-lah atorchara bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an yang di-sampaikan oleh Awang Morni bin Sanai, uchapan alu-aluan Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss, sharahan khas yang di-sampaikan oleh YB Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal dan seterus-nya sabda YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Perhimpunan yang sama juga telah di-adakan di-Pekan Tutong pada hari itu.

## Tentukan ibadah sembahyang fardhu berjemaah berjalan sempurna

TUTONG. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Hj Mohd Zain berharap supaya guru2 ugama serta penjaga2 asrama akan mengambil perhatian berat pada menentukan ibadah sembahyang fardhu berjemaah akan berjalan dengan sempurna di-sekolah2 dan asrama2.

Beruchap ketika merasmikan perlancharan kempen ibadah sembahyang fardhu berjemaah di-sekolah2, maktab2 dan asrama2 pada Khamis, 22hb Nobember lepas Yang Berhormat Pehin Ratna menegaskan supaya ibadah tersebut bukan hanya akan berjalan ketika kempen berkenaan di-lancharkan malah akan terus menerus.

Kerana, jelas Yang Berhormat Pehin Ratna, kempen yang di-lancharkan itu hanya merupakan penggerak utama dan titek permulaan pada menyemarakkan shi'ar Islam dalam bentok mendirikan sembahyang fardhu berjemaah di-sekolah2, maktab2 dan asrama.

Dalam kempen yang di-lancharkan di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain itu, Yang Berhormat Pehin Ratna seterus-nya menegaskan bahawa sembahyang ada-lah di-sifatkan sa-bagai tiang ugama.

Ini kata-nya, saperti yang terkandong dalam hadith Rasulullah yang menjelaskan bahawa sembahyang saolah2 sa-bagai batu sempadan di-antara kafir dan iman, oleh itu untok menjadi sa-orang mukmin yang benar2 taat kapada Allah hendak-lah kita masok kadalam sempadan iman dan mendirikan sembahyang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja seterus-nya menambah kata bahawa sembahyang saperti yang di-terangan oleh hadith Nabi ada-lah antara lain merupakan kunchi Shorga, menghapuskan dosa dan suatu ibadat yang sangat di-ambil berat oleh ugama kita.

Di-samping itu kata-nya lagi, sembahyang sunnat boleh juga membantu dan menyempurnakan sembahyang fardhu yang kita kekurangan ketika mengerjakan-nya.

"Maka sembahyang2 sunnat itu di-ibaratkan boleh menyisip atap yang miris dan boleh menungkat gelagar patah, demikian juga kedudokan sedekah dapat menampong dan membantu jika di-dapati ada chachat chela-nya dalam kita menunaikan zakat yang wajib, oleh itu perkara2 sunnat sangat di-galakkan supaya di-kerjakan di-samping amal ibadat yang fardhu", kata Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat itu menambah lagi, sujud kapada Allah di-dalam sembahyang ada-lah suatu pernyataan hina diri kapada Allah dan ini bermakna dengan sa-kali sujud Allah akan memadamkan satu kesalahan kita dan mengangkat kita ka-satu tingkat ketinggian, kerana itu hendak-lah membanyakkan sembahyang kerana di-dalamnya terdapat banyak sujud.

Yang Berhormat itu seterusnya mengingatkan supaya kita akan mengerjakan ibadah sembahyang tepat pada waktu-nya dan kesempurnaan-nya di-jaga sepenoh-nya.

## Seminar pengurusan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu seminar mengenai pengurusan Kerajaaan akan di-adakan pada 17hb Disember ini. Seminar sa-lama empat hari itu di-kelolakan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan dan akan di-adakan di-Pusat Latehan, di-Jalan Kumbang Pasang.

Seminar kali kedua di-kelolakan oleh Yunit Latehan akan di-hadhiri oleh 16 orang Timbalan dan Penolong Ketua2 Jabatan dari Jabatan2 Kerajaan.

Menurut Pegawai Latehan, Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman, seminar tersebut bertujuan untok menolong peserta2 seminar bagi menggunakan teknik2 di-dalam mengenali masaalah dan juga untok memberi rangka keutamaan2 yang tertentu di-dalam masaalah itu.

Kata-nya seminar tersebut akan mengandongi prinsip2 analisa masaalah, membuat keputusan dan analisa masaalah yang mungkin berlaku berasaskan konsep yang di-chiptakan oleh Dr Charles Kepner dan Ben Tregoe kedua2-nya pernah menjadi pegawai di-R.A.N.D. Corporation di-Amerika Sharikat.

Ketua seminar ia-lah Awg Larry Wallace, Ketua Jabatan Latehan Sharikat Minyak Shell.

## Dalam usaha menghapuskan penyalah gunaan dadah, judi dan minuman haram

# Orang ramai di-seru supaya memberikan kerjasama kapada pehak Polis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Penguasa Polis Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail telah menyeru orang ramai supaya sentiasa memberikan kerjasama dan bantuan kapada pehak polis dalam menghapuskan bahaya2 yang di-timbulkan oleh penyalah gunaan dadah, permainan judi dan minum2an haram di-negeri ini.

Di-samping itu, sabda Yang Amat Mulia juga menyeru ibu-bapa supaya sentiasa berwaspada dalam memerhati akan tingkah laku anak2 mereka dan pergaulan mereka di-luar rumah serta memberikan panduan2 kapada mereka supaya mereka tidak terchebor ka-lembah yang tidak di-ingini itu.

Bersabda sa-jurus sa-belum merasmikan pelancharan Pameran Menchegah Penyalah Gunaan Dadah, Minuman Haram dan Perjudian yang di-adakan di-sini pada hari Ahad lalu bagi pehak Pesurohjaya Polis Brunei, Yang Amat Mulia itu seterus-nya menyeru umat Islam di-negeri ini supaya akan dapat menyedari sebenar2-nya tentang bahaya2 penyalah gunaan dadah, permainan judi dan minum2an haram. Kita mesti-lah mengambil langkah2 yang berpatutan bagi menjaga diri kita dan anak2 kita supaya kita dan mereka tidak terchebor ka-lembah yang tidak di-ingini oleh Ugama Islam yang maha suchi itu.

Bahaya dadah, sabda Yang Amat Mulia, bukan sahaja terkena kapada orang2 perseorangan bahkan ia-nya juga boleh mendatangkan kesan yang burok kapada orang ramai terutama kapada belia2 yang mana dadah pernah di-gunakan untok menjatohkan sa-sebuah kerajaan sa-bagai mana yang kita ketahui dari Sejarah Negeri China yang terkenal dengan "Perang Chandu".

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa menjelaskan bahawa umat Islam sejak 1400 tahun lagi telah mengingatkan manusia akan bahaya2 yang boleh di-datangkan daripada perkara yang memabokkan dan menghayalkan dan menchachatkan akal fikiran ia-itu penyalah gunaan dadah dan minuman haram dan tentang bahaya yang di-datangkan oleh permainan judi. Semua perkara2 itu ada-lah di-tegah oleh Ugama Islam

Akan tetapi jika sekira-nya tegahan itu di-langgar ia-nya bukan sahaja mendatangkan dosa kapada orang yang membuat-nya bahkan Ugama Islam telah menentukan hukuman2 yang berat terhadap orang2 yang melakukan-nya, sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia menambah sabda, memandangkan bahaya2 yang di-datangkan oleh perkara2 tersebut, maka sa-bahagian kerajaan di-dunia dewasa ini telah mengambil langkah2 yang tegas dan mengenakan hukuman2 yang berat kapada orang yang di-dapati sabit kesalahan-nya.

Di-Brunei, sabda Yang Amat Mulia, Pasokan Polis Diraja ada-lah sentiasa mengambil langkah2 yang berkesan menurut kehendak undang2 yang ada supaya negeri kita Brunei Darussalam ini, raayat dan penduduk-nya akan berada di-dalam keadaan yang aman dan selamat dari gangguan bahaya2 penyalah gunaan dadah, permainan judi serta minum2an haram

Yang Amat Mulia itu selanjut-nya bersabda, tugas2 pasokan polis dalam bidang tersebut sudah tentu tidak akan menchapai kejayaan yang sepenoh-nya jika sekira-nya tidak mendapat kerjasama dari orang ramai terutama dari segi memberikan maklumat yang perlu untok menjadi saksi dalam perbicharaan2 dan sa-bagai-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa menjelaskan bahawa tujuan di-adakan pameran pada hari itu ada-lah semata-mata untok mengingatkan orang2 Islam tentang bahaya2 yang boleh di-datangkan oleh permainan judi, minuman haram serta penyalah gunaan dadah.

Yang Amat Mulia itu juga berharap supaya pameran itu sedikit sa-banyak akan dapat menimbulkan kesedaran2 yang boleh di-jadikan panduan saperti mana yang di-maksudkan dalam Ugama Islam.

Pameran yang di-adakan salama dua hari itu ada-lah sempena Sambutan Tahun Hijrah 1400 dan telah di-kelolakan oleh Pasokan Polis Diraja Brunei.

Dari muka 1

hasil dari penemuan batu2 nisan sultan2 yang bertulis dalam bahasa Arab, China dan Sanskirt.

Tiga batu nisan yang ketemui, kata Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan ia-lah batu nisan bertarikh 440 Hijrah kepunyaan puteri Sultan Abdul Majid ibni Sultan Muhammad Shah bertulis dalam bahasa Melayu dan Arab, batu nisan dalam bahasa Sanskirt bertarikh 821 Hijrah dan batu nisan dalam bahasa China bertarikh 1264 Masehi.

"Ketiga-tiga nisan ini menjadi tanda bahawa kedatangan Islam bukan-lah perkara kechil, bahkan di-ketahui oleh sumber2 antarabangsa yang besar yang mana pada masa itu memakai bahasa Arab, China dan Sanskrit sa-bagai bahasa perantaraan", kata Yang Berhormat.

Sa-lain dari bokti2 sejarah kata Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan lagi, pameran tersebut juga memperlihatkan kesenian dan kebudayaan orang2 Islam Brunei.

Kata-nya, chontoh2 tabir, lawangan, saujadah, langit2 dan lain2 perhiasan di-jadikan tanda yang mengkagumkan yang sukar untok di-tandingi oleh orang2 sekarang walaupun mempunyai kemudahan2 sains dan teknoloji.

Dalam pameran yang memperlihatkan pembenaan masjid di-seluroh negeri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya berkata, masjid mempunyai peranan yang tidak dapat di-pisahkan dari kehidupan, tanpa masjid orang2 Islam terasa lemah dan miskin.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan seterus-nya menjelaskan kedudokan Ugama Islam dalam Perlembagaan dan pentadbiran negeri ini sa-bagai menampakkan pengaroh Ugama Islam dalam politik negara dan kerajaan bersama dengan orang2 yang mengambil bahagian dengan kuasa dan tanggong-jawab mereka.

"Dan dalam hal ini satu institusi yang penting ia-lah Majlis Ugama Islam yang di-tubohkan dalam tahun 1955..., dan menurut sa-orang pengkaji dari sa-buah universiti Amerika sa-bagai yang merupakan salah satu kuasa pemerintah yang berkesan di-Brunei", kata beliau

Uchapan sepenoh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan di-siarkan di-muka 11.

Dari muka 1

Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal.

Hadhir sama ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Haji Abdullah.

Upachara perasmian pada hari itu telah di-teruskan lagi pada sa-belah malam-nya dengan Majlis Cheramah dan Kempen Sembahyang Berjemaah.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.